SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 18 Mei 2015 | Jilid 44 Bil 12 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | **Pekasam daging citarasa baru** | 12-13

USM serius tangani isu plagiarisme

Oleh **SHANGITHA SADAYAN**

Polisi tegas Universiti Sains Malaysia (USM) terhadap plagiarisme mencerminkan komitmen jitu universiti untuk menegakkan integriti akademik berkaitan dengan plagiarisme.

Menurut Timbalan Penasihat Undang-undang, Pejabat Perundangan, Mohd Izwan Hamdan, polisi ini akan berkuat kuasa apabila terdapat suatu pelanggaran tatakelakuan akademik berkaitan dengan plagiarisme.

"Merujuk kepada polisi USM, plagiarisme juga merangkumi perbuatan memetik secara verbatim, memparafrasa karya orang lain, menghantar karya orang lain secara keseluruhan atau sebahagiannya sebagai karya sendiri, serta autoplagiarisme atau swaplagiarisme", jelas Mohd Izwan.


"Perbuatan plagiarisme adalah tidak wajar kerana siswa-siswi mempunyai masa yang mencukupi untuk mengulangkaji pelajaran dan tiada keperluan untuk mereka melakukan plagiarisme dalam kerja-kerja kursus yang dihasilkan dan ketika peperiksaan", tambahnya.

"Menurut Perkara 48 dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), siswa-siswi jika disabitkan melakukan plagiarisme boleh dikenakan amaran, denda tidak melebihi dua ratus ringgit, dilarang daripada mana-mana bahagian tertentu universiti dan digantung daripada menjadi pelajar universiti bagi tempoh masa yang ditetapkan, serta dipecat", ujarnya lagi.

Nurul Aqilah Kamaruddin, Ilmu Pendidikan 1, berkata bahawa jika siswa-siswi melakukan plagiarisme, pemikiran mereka tidak akan berkembang dan mengalami kesukaran ketika berada di alam kerjaya.

Mohd Izwan menyarankan agar pensyarah memberi amaran kepada siswa-siswi yang melakukan plagiarisme dan melaporkan kepada Jawatankuasa Tatatertib Pelajar jika kesalahan yang sama berulang.

TNC HEPA, Pendaftar USM dikurnia Darjah Kebesaran Perlis



PENGHARGAAN . . . Profesor Dato' Dr Adnan Hussein (kiri) bersama isteri Datin Kamaliah Siarap serta Puan Siti Zubaidah dan suami dalam majlis penganugerahan Darjah Kebesaran Perlis pada 16 Mei 2015.

Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Dr. Adnan Hussein hari ini menerima anugerah Dato Setia Paduka Tuanku Syed Sirajuddin Jamalulail (DSPJ) yang membawa gelaran Dato' daripada D.Y.M.M Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail Raja Perlis sempena Hari Keputeraan baginda yang Ke-72 pada 16 Mei 2015.

Baginda yang juga Canselor USM turut menganugerahkan Darjah Setia Mahkota Perlis (SMP) kepada Pendaftar Siti Zubaidah A. Hamid dalam majlis yang berlangsung di Balai Rong Seri Istana Arau.

"Saya bersyukur dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas kurnia D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis yang merupakan penghormatan yang tidak pernah saya bayangkan," kata Adnan.

Tambahnya lagi, "saya juga berterima kasih kepada Naib Canselor dan rakan-rakan kepimpinan universiti yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama sehingga saya mencapai tahap ini."

Siti Zubaidah pula menyifatkan anugerah ini sebagai kenangan manis mencurahkan bakti kepada USM sejak 1 Ogos 1979 sebelum bersara wajib hujung tahun ini.

Siti Zubaidah dilantik sebagai Pendaftar pada 1 Januari 2013 dan pernah menjadi Pengarah, Malaysian Students Department di Amerika Syarikat pada Disember 2006 hingga Disember 2009.

"Saya menjunjung tinggi kurnia ini dan mendoakan semoga D.Y.M.M Tuanku Canselor dan D.Y.M.M Tuanku Raja Petempuan Perlis sentiasa dirahmati Allah," katanya lagi.

Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Omar Osman yang turut berada di Istana Arau menyaksikan upacara berkenaan turut menjunjung kasih atas kurniaan D.Y.M.M Tuanku Raja Perlis kepada kedua-dua pegawai tertinggi USM tersebut.

"Bagi pihak seluruh warga USM saya merafak tahniah dirgahayu D.Y.M.M Tuanku sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-72 serta mendoakan agar baginda dan D.Y.M.M Tuanku Raja Perempuan Perlis dipanjangkan usia dalam kesejahteraan dan rahmat Allah s.w.t," kata Omar.

Naib Canselor juga turut mengucapkan tahniah kepada Adnan dan Siti Zubaidah atas penganugerahan darjah kebesaran tersebut. /**Dari www.usm.my**

Ombudsman platform aduan siswa-siswi

Kewujudan Pejabat Ombudsman yang berfungsi sebagai platform bagi mereka untuk membuat aduan sepanjang berada di Universiti Sains Malaysia (USM) perlu diuar-uarkan.

Menurut Naib Yang Dipertua 2 Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Goo Chuan Chiew, siswa-siswi boleh membuat aduan terus dengan pergi ke Pejabat Ombudsman, panggilan telefon dan emel kepada Ombudsman.

"Ketika aduan dibuat, siswa-siswi perlu menyediakan maklumat, bukti terperinci dan berikan juga punca dan kesan masalah. Sebagai satu institusi bebas, Ombudsman akan menjalankan siasatan tanpa campur tangan pihak lain", ulasnya kepada Berita Kampus.

Tambahnya lagi, siswa-siswi yang menjadikan media sosial sebagai medium membuat aduan sepatutnya menggunakan Ombudsman yang menjadi satu platform yang betul dalam memberikan jalan penyelesaian kepada siswa-siswi.

"Apabila timbul isu di media sosial, saya akan memberikan komen untuk mereka membuat aduan melalui saluran yang formal melalui Ombudsman. Tetapi mereka tidak ingin melakukannya", katanya lagi.

Menurut Goo, disebabkan masih ramai lagi siswa-siswi tidak mengetahui mengenai Ombudsman, ia wajar untuk dipromosikan supaya aduan yang dibuat dapat disalurkan ke tempat yang betul.

Menurut Nurul Izzaty Abdul Nasir, Pengurusan 4, dia tidak pernah tahu mengenai Ombudsman yang sebenarnya untuk kegunaan siswa-siswi membuat sebarang aduan.

"Sebelum ini, saya tidak pernah lagi mendengar mengenai penubuhan Ombudsman yang berfungsi sebagai satu platform untuk siswa-siswi membuat aduan. Sepatutnya Ombudsman diuar-uarkan supaya siswa-siswi tahu akan kewujudannya", ulasnya lagi.

Pembangunan lunturkan budaya

Melangkah keluar universiti merupakan babak baru dalam perjalanan kehidupan seorang graduan. Namun kadar pengangguran yang kian meningkat di negara kita menyebabkan perjalanan baru itu mungkin tidak seperti yang diharapkan.

Kebanyakan mereka bukan tidak mendapat pekerjaan atau tidak menerima sebarang tawaran tetapi mungkin tugas yang ditawarkan dianggap tidak bersesuaian dengan mereka. Sikap graduan yang terlalu memilih pekerjaan menjadi salah satu faktor utama pengangguran. Graduan lebih terikat untuk memperolehi kerjaya yang selaras dengan jurusan yang dimiliki. Namun, tanpa mereka tidak sedari bahawa mereka mempunyai saingan yang sengit di alam pekerjaan itu. Persaingan ini menyebabkan graduan terpaksa menunggu lama untuk memiliki sesuatu jawatan yang diinginkan dan akhirnya mereka digelar penganggur oleh masyarakat. Pemikiran "lebih baik menganggur selagi tidak jumpa kerja sesuai" perlu dibuang dari minda setiap graduan kerana ia bukan sahaja merugikan mereka, malah merugikan sektor yang memerlukan tenaga kerja.

Selain itu, sikap mengutamakan status juga menjadi penghalang kejayaan seseorang graduan. Ramai graduan memandang rendah kepada pekerjaan peringkat rendah seperti kerani dan pembantu kerana mereka rasa ia tidak bersesuaian dengan status mereka yang digelar graduan universiti. Graduan perlu sedar bahawa untuk mencapai sesuatu status mereka perlu melalui tahap-tahap tertentu dan berusaha keras. Walaubagaimana pun, mereka terus menunggu tanpa berusaha meningkatkan potensi mereka dalam bidang-bidang lain yang mungkin membantu mereka mencapai status yang diingini dengan lebih cepat.

Faktor kurang keyakinan diri juga turut menyumbang kepada dilemma penganguran ini. Graduan lebih banyak mempelajari teori berbanding pengamalan praktikal semasa di universiti. Hal ini menyebabkan graduan tidak dapat memberikan kualiti perkhidmatan yang baik kerana tidak yakin dengan kebolehan diri. Secara tidak langsung, keadaan ini menjatuhkan persepsi majikan terhadap graduan tersebut . Keadaan bertambah buruk apabila majikan tidak mahu pekerja yang dikategorikan sebagai kurang mahir dan berasa rugi melatih pekerja yang tidak memenuhi kriteria sesuatu pekerjaaan itu.

Oleh itu, graduan harus berfikiran terbuka agar dapat menyesuaikan diri dengan keadaan semasa. Tidak salah niat mereka untuk berkhidmat dalam bidang yang diminati. Pada masa yang sama mereka perlu mencari alternatif lain agar potensi diri mereka sentiasa berkembang dari semasa ke semasa agar dapat memenuhi segala kriteria yang diingini oleh majikan.

Membentuk graduan holistik teguh jati diri

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, PPPM (PT), menggariskan matlamat untuk melahirkan graduan yang mampu menangani cabaran global dalam usaha membentuk graduan holistik. Dalam konteks ini, holistik tidak hanya terbatas pada penguasaan pelbagai bidang ilmu dan kemahiran semata-mata sebaliknya turut merangkumi aspek pembangunan minda, spiritual, sahsiah dan etika. Kesemua aspek ini jika digabungkan menjadi elemen penting dalam pembangunan jati diri seseorang graduan.

PPPM (PT) merupakan pelan yang digagaskan dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi yang mampu menyumbang ke arah pembangunan sejagat. Justeru, Malaysia memerlukan graduan yang bukan sahaja memiliki pencapaian akademik yang membanggakan dan kemahiran yang pelbagai namun turut menitikberatkan nilai-nilai positif serta jati diri yang tinggi. Graduan yang tinggi budi pekerti bersandarkan budaya timur sentiasa bersedia berdepan dengan anasir negatif yang cuba meracuni akal fikiran untuk bertindak di luar jangkaan. Oleh itu, mereka sentiasa menitikberatkan kejujuran dan keikhlasan dalam melaksanakan tanggugjawab yang diberikan di samping berusaha menyumbang khidmat yang terbaik untuk pembangunan negara.

Hakikat yang perlu diterima oleh semua bahawa graduan masa kini berdepan dengan pelbagai cabaran yang memerlukan ketahanan fizikal dan mental bagi mengekangnya seperti persaingan antarabangsa yang semakin membimbangkan. Tidak hairanlah, saban tahun Malaysia menyaksikan begitu ramai graduan menganggur kerana kurangnya ketahanan mental untuk menepis cabaran persekitaran. Justeru, tidak cukup sekadar ramuan ilmu sebagai penawarnya tetapi dengan jati diri yang teguh mampu memandu pemikiran untuk bertindak dengan waras. Impaknya, negara akan menghasilkan graduan yang berpandangan jauh, berfikiran analitikal dan kritikal seterusnya dapat bersaing di peringkat global.

Kes-kes jenayah yang dilaporkan media massa melibatkan golongan berpendidikan tinggi berpunca daripada jati diri yang rapuh. Mereka gagal mengaplikasikan ilmu yang dimiliki ke arah pembangunan diri, keluarga, masyarakat dan negara kerana tidak berupaya menghayati pembelajaran sepanjang hayat. Jati diri yang teguh membentuk nilai positif dalam diri seseorang graduan untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari ke arah kebaikan. Mereka akan memastikan ilmu yang dituntut disalurkan untuk pemantapan diri dan akhirnya memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Pembelajaran sepanjang hayat akan melahirkan graduan yang sentiasa bermuhasabah diri dan berubah ke arah kebaikan.

Perlu kita akui bahawa PPPM (PT) merupakan sebuah pelan pembangunan pendidikan yang cukup komprehensif dan bersifat menyeluruh. Walau bagaimanapun, usaha untuk melahirkan graduan yang benar-benar memiliki jati diri yang teguh dan nilai-nilai murni perlulah bermula pada peringkat awal seseorang bergelar siswa-siswi. Hal ini memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak dalam mematuhi segala perancangan yang digariskan kerana tanpa kerjasama yang padu usaha besar ini pasti gagal dicapai matlamatnya.

Bahasa asing tiket untuk bina kerjaya

Dalam mendepani era globalisasi, kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa asing amat dititikberatkan. Pelbagai usaha telah dijalankan khususnya dalam bidang bahasa melalui penawaran kursus-kursus bahasa asing di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti. Oleh itu, menguasai bahasa selain bahasa ibunda dan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris, amat digalakkan kerana ia memberi kelebihan kepada siswa-siswi membina kerjaya tidak kira dalam apa juga profesion yang diceburi.

Menurut Menteri Pendidikan Kedua, Datuk Seri Idris Jusoh, institusi pendidikan di Malaysia sudah sekian lama menyediakan inisiatif kepada siswa-siswi untuk mempelajari bahasa asing sebagai bahasa ketiga. Namun, perkara ini kurang diberi perhatian kerana siswa-siswi lebih cenderung mengutamakan pencapaian akademik berbanding kemahiran. Apatah lagi, beban pembelajaran sedia ada menuntut banyak masa dan tenaga mereka ditumpukan untuk pencapaian akademik yang cemerlang.

Penguasaan bahasa asing sebenarnya boleh jadi nilai tambah untuk siswa-siswi mendapatkan pekerjaan. Siswa-siswi seharusnya sedar pencapaian akademik semata-mata tidak dapat menjamin mereka untuk mendapatkan pekerjaan sebaliknya kemahiran yang diinginkan oleh setiap majikan juga perlu dititikberatkan. Kebolehan bertutur lebih dari dua bahasa sebagai kriteria seorang pekerja bukanlah sesuatu yang baru di dalam sesebuah organisasi. Di Eropah sahaja, kebanyakan masyarakat mereka mampu bertutur sehingga lima bahasa dan ianya bukan sesuatu yang luar biasa di sana.

Penguasaan bahasa asing juga mampu meningkatkan status pekerjaan. Mengambil contoh di Malaysia, Dato' Mahadzir Lokman merupakan pengacara versatil yang dikagumi ramai. Beliau yang mahir bertutur lebih enam bahasa terus melonjakkan kerjaya beliau daripada seorang pengacara, pembaca berita dan kini menjadi penterjemah dalam majlis-majlis antarabangsa. Kerjayanya sudah pasti menjanjikan gaji yang lumayan setimpal dengan kemahiran dan pengetahuan beliau.

Penguasaan bahasa asing turut memberikan peluang kepada siswa-siswi mempelajari dan memahami budaya di peringkat global sekaligus merapatkan jurang perbezaan. Misalnya, majoriti masyarakat di Korea Selatan kurang fasih berbahasa Inggeris kerana budayanya lebih memilih bahasa ibunda mereka untuk berkomunikasi. Maka, dengan penguasaan bahasa Korea akan memudahkan proses komunikasi dan merapatkan jurang perbezaan dari segi bahasa terutama bagi siswa-siswi tempatan yang berpeluang berkerja dengan syarikat multinasional. Contohnya, perniagaan Samsung Group yang berpusat di Korea Selatan.

Justeru, masih belum terlambat untuk mempelajari atau menuntut sesuatu ilmu. Siswa-siswi masih boleh mengambil masa ketika cuti semester untuk menguasai bahasa asing sebelum melangkah ke fasa pekerjaan. Banyak kelas-kelas bahasa yang ditawarkan oleh pihak swasta di luar sana. Namun, tekad dan semangat untuk mempelajarinya terletak ditangan siswa-siswi itu sendiri. Bak kata pepatah alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan. Jangan mudah melatah sekiranya banyak kesukaran di permulaan, anggap sahaja ianya sebagai satu proses pembelajaran untuk masa hadapan.

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi
TELEFON 04-653 5071
E-MEL beritakampus44@gmail.com

Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971.
Suara Dari Menara Ilmu.

Tiada alasan 'suka sama suka'

Selain isu siswa-siswi tidak mendapat tempat penginapan di desasiswa Universiti Sains Malaysia (USM), isu ingin menukar desasiswa juga sering disuarakan apabila keputusan penginapan desasiswa dikeluarkan.

Menurut Pengarah Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Dr Nazarudin Zainun, setiap kali keputusan penginapan desasiswa dikeluarkan, terdapat permintaan penukaran desasiswa yang diterima oleh Unit Perumahan dan Pembangunan Universiti (UPPU).

"Pada tahun lepas ramai siswa-siswi bertukar desasiswa disebabkan oleh beberapa faktor. Sejak itu semakin banyak permintaan untuk menukar desasiswa yang diterima. Permintaan ini kebiasaannya daripada siswa-siswi yang tidak berpuas hati dengan desasiswa yang mereka dapat sedangkan UPPU masih banyak lagi tugasan yang lebih penting untuk diuruskan seperti melihat kes-kes rayuan siswa-siswi yang gagal mendapatkan desasiswa", katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa siswa-siswi seringkali menggunakan alasan 'suka sama suka' apabila ingin menukar desasiswa sedangkan alasan yang boleh digunapakai hanyalah masalah-masalah kesihatan.

"Alasan 'suka sama suka' tidak wujud dalam proses penukaran desasiswa. Misalnya, siswa-siswi yang mendapat Desasiswa Indah Kembara yang ingin bertukar ke Desasiswa Tekun akan mencari rakan mereka di Desasiswa Tekun yang mempunyai niat untuk bertukar ke Desasiswa Indah Kembara", katanya lagi.

"Alasan ini memang suka digunakan oleh siswa-siswi tetapi kami di pengurusan yang tidak suka. Alasan yang satu-satunya boleh diterima hanya masalah-masalah kesihatan seperti kaki patah, hamil, baru menjalani pembedahan dan sebagainya", tegasnya.

Beliau berharap agar isu ingin menukar desasiswa dengan alasan 'suka sama suka' ini tidak wujud selepas keputusan desasiswa dikeluarkan bagi sidang 2015/2016 melainkan masalah kesihatan.

Alasan 'suka sama suka' tidak wujud dalam proses penukaran desasiswa.

USM kuatkuasa peraturan penggunaan barangan larangan

Oleh **SHARMILA PREMAL**

Notis penguatkuasaan penggunaan barangan larangan di desasiswa mulai 1 Mei 2015 menimbulkan kerisauan dalam kalangan sisiwa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Pengarah Pembangunan Pelajar Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (BHEPA), Dr Nazarudin Zainun, peraturan tentang penggunaan barang larangan sudah lama ada dalam undang-undang desasiswa. Ini bukan satu perkara baru yang perlu dimaklumkan kepada siswa-siswi USM.

"Dasar tidak membenarkan penggunaan barangan larangan elektrik memang ada dari dulu lagi dan tidak pernah dimansuhkan. USM sudah lama menjelaskan dalam segala peraturan tentang barangan larangan terutamanya barangan elektrik adalah sama sekali tidak dibenarkan di desasiswa. Antara barangan larangan adalah cerek, periuk nasi dan mesin pengering rambut", tambah beliau lagi.

Nazarudin berkata penguatkuasaan ini adalah kerana terdapat banyak masalah yang makin dilaporkan oleh siswa-siswi kepada pihak pengurusan desasiswa tertentu.

"Ada bahagian tertentu yang sentiasa ada masalah bekalan elektrik. Apabila pihak kami lakukan pemeriksaan, kami mendapati terdapat pelbagai barangan elektrik yang digunakan oleh siswa-siswi tersebut. Penggunaan elektrik secara keterlaluan di bahagian bahagian tersebut menyebabkan gangguan elektrik berlaku. Oleh kerana tindakan mereka yang tidak mematuhi arahan universiti, siswa-siswi lain yang tinggal di bahagian yang sama menjadi mangsa. Maka untuk berlaku adil kepada siswa-siwi lain USM telah kuatkuasa balik peraturan ini supaya siswa-siswi menyedari kesilapan mereka itu", tegas beliau lagi.

Merurut Nazarudin lagi, USM akan mengambil tindakan yang setimpal terhadap siswa-siswi yang ingkar mematuhi peraturan ini agar masalah ini dapat diatasi dengan cara yang sesuai.

"Kali pertama disabit kesalahan kami hanya memberi amaran lisan dan mengarahkan mereka tidak mengulangi lagi kesalahan tersebut. Diikuti oleh tindakan rampasan barangan tersebut jika mengulangi kesilapan dan seterusnya denda RM50 bagi setiap barangan yang dirampas. Walau bagaimanapun, saya berharap siswa-siswi tidak menyalahgunakan kelonggaran yang diberikan oleh pengurusan desasiswa kerana saya sendiri tahu ramai siswa-siswi yang masih menggunakan barangan larangan dalam bilik masing-masing. Hal ini kerana pengurusan desasiswa sedar akan keperluan barangan tersebut kepada siswa-siswi", jelas beliau lagi.

GST disifatkan sebagai cukai regresif

Sistem percukaian baharu iaitu Goods and Services Tax (GST), disifatkan sebagai sistem percukaian regresif. Berikutan itu, ianya telah memberi impak yang besar kepada rakyat Malaysia.

Golongan daripada berpendapatan rendah dan serdahana serta golongan berpendapatan tetap seperti pesara dan pelajar amat terkesan dengan perlaksanaan percukaian baharu yang dijalankan di negara ini.

Menurut pensyarah ekonomi, Prof Dr Suresh Narayanan, GST akan membebankan rakyat yang bukan kaya. Ini termasuk mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana dan mereka yang mempunyai pendapatan tetap seperti pelajar dan pesara. Hal ini kerana GST adalah cukai terhadap penggunaan bukan pendapatan.

"Cukai ke atas penggunaan seperti GST dianggap sebagai cukai regresif. Banyak kajian di negara lain membuktikan bahawa GST adalah regresif dan saya rasa Malaysia tidak terkecuali", katanya.

Oleh itu, cukai GST yang dikenakan terhadap pengguna secara tidak langsung bukan sahaja menjejaskan ekonomi masyarakat.

Malah, mereka terpaksa memperuntukkan jumlah wang yang lebih besar bagi memenuhi keperluan harian mereka.

"Semua orang terpaksa menggunakan barang dan perkhidmatan tetapi golongan berpendapatan rendah dan sederhana membelanjakan bahagian yang lebih besar daripada pendapatan mereka terhadap penggunaan berbanding dengan golongan kaya", katanya kepada Berita Kampus.

"Maka, cukai ke atas penggunaan akan mengurangkan pendapatan mereka dengan kadar yang lebih besar berbanding dengan pendapatan orang kaya", jelas beliau.

Menurut Ratna Zuzilianty Zulkefli, Sains Kemasyarakatan 3, perlaksanaan GST memberi kesan kepada beliau kerana terpaksa mengeluarkan wang yang lebih ke atas produk dan perkhidmatan yang digunakan.

"Sebagai seorang peminjam PTPTN, perlaksanaan GST memberi impak yang besar terhadap ekonomi saya, contohnya saya terpaksa membayar lebih terhadap kad isian semula telefon prabayar yang selalu digunakan", kata Ratna.

Maka, cukai ke atas penggunaan akan mengurangkan pendapatan mereka dengan kadar yang lebih besar berbanding dengan pendapatan orang kaya.

Siswa-siswi runsing kelewatan MyCSD

Sejak kebelakangan ini, isu kelewatan kemasukan mata My Continuous Student Development (MyCSD) menjadi rungutan siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) dalam laman facebook USM Info Sharing Corner.

Menurut Goh Chui Wen, Perumahan, Bangunan & Perancangan 2, mata MyCSD yang dikumpulkan pada sidang akademik 2014/2015 masih tidak dimasukkan dalam CampusOnline beliau.

"Saya berasa terkejut kerana mata MyCSD yang dikumpulkan melalui menyertai pelbagai aktiviti masih tidak dimasukkan dalam CampusOnline. Berikutan itu, mata MyCSD bagi sidang akademik 2014/2015 kekal 0 mata tanpa proses kemaskini", kata beliau.

Menurutnya lagi, siswa-siswi USM turut menghadapi kesukaran jikalau mata MyCSD lewat dimasukkan dalam CampusOnline. Hal ini kerana mata MyCSD yang tidak dimasukkan tepat pada waktu yang ditetapkan oleh Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU) berupaya menyekat potensi untuk mendapat penginapan di desasiswa.

"Saya gagal mendapat penginapan di desasiswa pada semester lalu, dan terpaksa harungi kesukaran kerana terpaksa menyewa rumah di luar kawasan kampus", tambahnya lagi.

Pengarah Pejabat Pembangunan Pelajar, Dr Nazarudin Zainon berkata kelewatan kemasukan mata MyCSD berpunca daripada kekurangan staf dan juga kelewatan penganjur menghantar Laporan Kejayaan Program yang telah dianjurkan. Justeru, laporan kemajuan harus dihantar tidak lewat daripada dua minggu selepas program yang dianjurkan supaya tiada berlaku penangguhan dalam kemasukkan mata MyCSD bagi siswa-siswi yang terlibat.

"Sehubungan itu, USM telah melantik staf sambilan untuk menangani kekurangan staf dan memastikan kesemua Laporan Kejayaan Projek yang dihantar sebelum 5 Mei 2015 untuk diambil kira dalam proses pengiraan mata MyCSD", terang beliau.

"Kelewatan kemasukan mata MyCSD juga berlaku akibat masalah teknikal. Antaranya, penganjur program gagal menghantar butiran yang lengkap dan tidak menyemak ketepatan maklumat siswa-siswi yang mengambil bahagian", jelas beliau.

"Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan tentang mata MyCSD yang diperolehi, siswa-siswi digalakkan untuk merujuk kepada Pejabat Pembangunan Pelajar untuk tindakan selanjutnya", ujar beliau.

Saya gagal mendapat penginapan di desasiswa pada semester lalu, dan terpaksa harungi kesukaran kerana terpaksa menyewa rumah di luar kawasan kampus.

Ikut peraturan sebelum kena tindakan tegas

Walaupun sudah diberi amaran terhadap penjualan secara haram di dalam desasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) namun, tindakan ini masih tidak dihiraukan oleh siswa-siswi yang tidak bertanggungjawab. Sebaliknya, mereka sekadar menukar tempat penjualan di pantri desasiswa.

Menurut Pengarah Pembangunan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Dr Nazarudin Zainun, penjualan barangan di dalam desasiswa sama sekali tidak dibenarkan mengikut buku peraturan desasiswa melainkan sekiranya ia jualan berdaftar.

Nazarudin berkata perkara utama yang perlu dilihat oleh siswa-siswi sebelum menjual makanan adalah soal kebersihan dan kesihatan.

"Pengurusan desasiswa banyak menerima aduan daripada penghuni yang mengalami masalah kesihatan seperti cirit birit selepas membeli makanan ini. Jadi, apabila kami menerima aduan sebegini kepada siapa yang harus dipersalahkan. Penghuni yang mengadu akan terus menyalahkan pihak pengurusan kerana menganggap pengurusan desasiswa itu sendiri yang benarkan jualan tersebut", katanya.

Beliau juga menyatakan bahawa soal keselamatan adalah perkara kedua yang perlu difikirkan oleh siswa-siswi yang menjalankan jualan secara haram.

"Adakalanya walaupun mereka terselamat dari tertangkap atau rampasan barangan oleh pihak pengurusan desasiswa, siswa-siswi yang tidak bertanggungjawab ini harus fikirkan soal keselamatan. Penghuni yang membeli akan meletakkan duit di kotak yang disediakan. Walaupun jualan mereka laku tetapi sekiranya ada pihak lain yang mencuri hasil jualan mereka, tidakkah mereka mengalami kerugian di situ?", katanya lagi.

Beliau berharap agar siswa-siswi yang tidak bertanggungjawab ini mengikut peraturan dan menghentikan penjualan sebelum pengurusan desasiswa mengambil tindakan keras seperti saman yang nilainya berkemungkinan lebih daripada hasil jualan mereka.

"Sebelum ini kami sudah membuat tindakan seperti memberi amaran, memberi notis dan merampas barangan tetapi tidak diendahkan. Oleh itu, kebarangkalian untuk mengambil tindakan tegas selepas ini adalah tinggi. Ia berkemungkinan dalam bentuk saman dan sebagainya. Namun, penguatkuasaannya dan nilai saman masih belum ditentukan", jelasnya.

Tayangan filem dalam kampus adalah suatu kesalahan

Oleh **NURSYAHIDAH ABU BAKRI**

Universiti Sains Malaysia (USM) memandang serius terhadap penayangan segala jenis drama atau filem sama ada dari tempatan mahupun luar negara. Menggunakan harta intelek individu atau organisasi tanpa kebenaran daripada pihak berautoriti adalah satu kesalahan yang perlu dipandang serius. Penyalahgunaan harta intelek ini akan memberi kesan buruk kepada USM jika didapati bersalah di bawah Akta Hakcipta 1987.

Menurut Timbalan Pendaftar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (BHEPA), Tuan Haji Hussin Yahya, segala jenis penayangan filem di tempat awam adalah satu larangan, pihak HEPA mengambil berat terhadap isu tersebut kerana melibatkan Akta Hakcipta 1987.

Berdasarkan kepada nasihat daripada Majlis Penasihat Undang-Undang IPTA, USM telah membuat keputusan agar segala tayangan filem dan drama dalam kawasan kampus adalah dilarang dan siswa-siswi haruslah akur terhadap keputusan tersebut. BHEPA tidak akan meluluskan sebarang kertas kerja untuk tayangan filem dalam kampus.

"Atas nasihat daripada Penasihat Undang-Undang Universiti, USM melarang mana-mana kelab atau persatuan USM membuat tayangan filem atau drama dalam kawasan kampus tanpa kebenaran bertulis atau bayaran royalti daripada pemilik filem tersebut" kata Hussin.

"Mulai sekarang BHEPA tidak akan meluluskan mana-mana kertas kerja yang melibatkan tayangan filem dalam kawasan kampus agar tidak melanggar akta tersebut", tegas beliau.

Atas nasihat daripada Penasihat Undang-Undang Universiti, USM melarang mana-mana kelab atau persatuan USM membuat tayangan filem atau drama dalam kawasan kampus tanpa kebenaran bertulis atau bayaran royalti daripada pemilik filem tersebut.

Isu perkauman perlu dipandang serius

Segelintir siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) tidak memandang serius terhadap isu perkauman kerana meluahkan rasa tidak puas hati terhadap individu yang berbeza kaum khususnya melalui media sosial yang boleh mengugat perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Menurut Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Profesor Dato' Dr Adnan Hussein, isu perkauman yang diungkit oleh siswa-siswi melalui media sosial tidak boleh diambil kira kerana kesahihan maklumat tersebut adalah mudah untuk dipersoalkan.

Beliau juga menambah bahawa agak sukar untuk membuat penilaian terhadap isu perkauman yang berlaku tanpa sebarang bukti yang sahih.

"Siswa-siswi dan rakyat Malaysia yang sedar akan sensitiviti isu perkauman ini haruslah mengelakkan sebarang kegiatan yang boleh mengundang masalah antara masyarakat yang berbilang kaum", jelas beliau.

Menurut Timbalan Penasihat Undang-undang, Pejabat Perundangan USM, Mohd Izwan Hamdan, tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya siswa-siswi disabitkan mengungkit isu perkauman dalam kampus yang boleh mengundang masalah kepada orang lain.

Priyanka Prakash, Sains Kajihayat 1, menyatakan bahawa isu perkauman ini tidak dapat diselesaikan sekiranya siswa-siswa tidak berfikiran secara terbuka dan kurang bertolak ansur antara satu sama lain.

Tindakan tatatertib boleh dikenakan sekiranya siswa-siswi disabitkan mengungkit isu perkauman dalam kampus yang boleh mengundang masalah kepada orang lain.

Kurang staf punca layanan Service-Desk Desasiswa Tekun lambat

Kelewatan pihak pengurusan desasiswa mengambil tindakan terhadap aduan yang dibuat melalui Service-Desk menimbulkan kemarahan penghuni Desasiswa Tekun Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut sumber yang mahu dikenali sebagai Fatin, beliau telah membuat banyak aduan terhadap masalah yang dihadapinya di Desasiswa Tekun, namun tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak pengurusan.

"Saya telah membuat aduan melalui Service–Desk setiap kali saya ada masalah di desasiswa ini, tetapi pihak pengurusan desasiswa mengambil masa yang lama untuk mengambil tindakan dan ada juga aduan yang tiada maklum balas sehingga kini. Antara aduan yang saya pernah buat adalah lantai pecah, laci almari rosak dan sebagainya.

Menurut Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Nazarudin Zainun, kekurangan staf di pejabat menyebabkan mereka lambat memberikan tindak balas terhadap aduan yang dibuat oleh siswa-siswi.

"Jika dilihat di Desasiswa Tekun staf yang bertugas adalah tidak mencukupi untuk memenuhi segala keperluan penghuni yang melebihi 2,000 orang manakala staf hanya berpuluh-puluh orang sahaja. Oleh itu, kami sering kali memberikan keutamaan kepada kes-kes yang lebih serius seperti kes yang melibatkan masalah kesihatan dan pertukaran desasiswa", jelas beliau lagi.

Nazarudin berkata mereka berusaha sedaya-upaya untuk memenuhi segala keperluan penghuni walaupun ia mengambil masa yang agar lama dan pada masa yang sama mereka sentiasa meneliti dan prihatin terhadap keperluan penghuni sebelum melakukan sebarang tindakan.

"Saya berharap siswa-siswi dapat memahami situasi pihak pengurusan dan bersabar jika aduan mereka lambat dilayan. Pengurusan sentiasa berusaha menyelesaikan segala aduan yang diterima secepat mungkin, namun jika penghuni berasa masalah mereka itu besar dan lambat dilayan maka mereka boleh terus datang ke pejabat pengurusan dan memberikan laporan mereka", jelas Nazarudin.

Jika dilihat di Desasiswa Tekun staf yang bertugas adalah tidak mencukupi untuk memenuhi segala keperluan penghuni yang melebihi 2,000 orang manakala staf hanya berpuluh-puluh orang sahaja. Oleh itu, kami sering kali memberikan keutamaan kepada kes-kes yang lebih serius seperti kes yang melibatkan masalah kesihatan dan pertukaran desasiswa.

Siswa-siswi abai ilmu alam sekitar

Oleh **AISHAH HANIS AZMI**

Pada 6 Mei yang lalu, program Talk Series Zero Waste anjuran Kampus Sejahtera di Dewan Kuliah I yang bermula pada jam 8.30 malam tidak mendapat sambutan yang menggalakkan daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut pengarah projek, Choo Chen Lee, objektif utama program itu adalah untuk menimbulkan kesedaran dalam siswa-siswi USM tentang isu-isu yang melibatkan alam sekitar. Namun, hanya segelintir siswa-siswi sahaja yang datang tetapi program ini tetap diteruskan. Tambahnya, apa yang penting adalah kualiti bukan kuantiti siswa-siswi yang datang.

NYDP Kampus Sejahtera, Nur Hidayah Abd Rahim berkata siswa-siswi USM tidak melihat isu alam sekitar penting sepertimana mereka lihat isu GST. Secara keseluruhan siswa-siswi USM masih belum memahami konsep kelestarian yang diamalkan oleh USM tetapi dengan bantuan Kampus Sejahtera dan Centre for Global Sustainability Studies (CGSS) sedikit sebanyak dapat membuka minda siswa-siswi.

"Kampus Sejahtera cuba berusaha meminimumkan sisa sampah daripada sisa makanan dan barangan elektronik untuk ditukarkan kepada gas dan kompos. Namun, ia tidak semudah yang difikirkan kerana memerlukan kerjasama daripada komuniti ", jelasnya.

Menurut Wan Nur Saidah Wan Jali, Ilmu Pendidikan 1, walaupun program itu tidak melibatkan hiburan dan artis tetapi banyak memberi faedah kepada siswa-siswi. Menurut beliau, program itu banyak memberi maklumat baru dan menambah sedikit sebanyak pengetahuan tentang alam sekitar.

"Sebelum ini memang saya hanya mahukan MyCSD tetapi setelah beberapa kali mengikuti program anjuran Kampus Sejahtera saya semakin sedar tentang kepentingan ilmu tentang alam dan lebih menghargai alam sekitar walaupun perkara ini dianggap remeh oleh sesetengah pihak", ujarnya kepada wartawan Berita Kampus.

Tambah Nur Hidayah lagi, barang-barang yang tidak digunakan lagi boleh dijadikan sumber kewangan dengan menjadikan baju, seluar jeans dan kain rentang boleh dijadikan beg. Manakala, botol-botol air dijadikan sebagai penyodok.

"Saya amat mengharapkan kesedaran daripada siswa-siswi dan tidak lagi memandang isu ini sebagai isu yang remeh, sudah menjadi tanggungjawab kita sebagai siswa-siswi untuk membuka mata dan minda kepada komuniti yang lebih besar", akhirinya.

Kampus Sejahtera cuba berusaha meminimumkan sisa sampah daripada sisa makanan dan barangan elektronik untuk ditukarkan kepada gas dan kompos.

UniStorage bakal dibuka di Kampus Kejuruteraan, Kesihatan

Syarikat UniStorage akan membuka cawangan baru di Universiti Sains Malaysia (USM) Kampus Kejuruteraan dan Kesihatan dalam tahun ini.

Menurut Pengurus UniStorage Iza Fazlan, cawangan baru tersebut akan dibuka di Kampus Kejuruteraan sebelum Hari Raya Aidilfitri tahun ini dan cawangan di Kampus Kesihatan akan dibuka sebelum akhir tahun ini.

"Atas arahan Dr. Nazaruddin Zainun daripada Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP), UniStorage di Kampus Kesihatan harus dibuka sebelum akhir tahun ini. Manakala di Kampus Kejuruteraan pula akan dibuka sebelum Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini", jelasnya.

Walau bagaimanapun, UniStorage masih lagi menunggu arahan BHEPP mengenai tarikh sebenar pembukaan kedua-dua cawangan tersebut.

Apabila ditanya mengenai sebarang perbezaan dalam perkhidmatan UniStorage dalam ketiga-tiga kampus USM, Iza Fazlan mengatakan bahawa perkhidmatan yang bakal ditawarkan adalah tetap sama.

"Asas perkhidmatan UniStorage adalah untuk memberi perkhidmatan logistik kepada siswa-siwi USM. Modul perkhidmatan yang akan disediakan adalah sama seperti yang ditawarkan di Kampus Induk", jelasnya.

UniStorage menyediakan perkhidmatan Student Mailroom, Student Movers, Student Pick-up, Student Storage, Student Delivery dan Student Custom Clearance bagi memenuhi keperluan pengurusan logistik kepada siswa-siswi di USM.

Asas perkhidmatan UniStorage adalah untuk memberi perkhidmatan logistik kepada siswa-siwi USM. Modul perkhidmatan yang akan disediakan adalah sama seperti yang ditawarkan di Kampus Induk.

Saluran alternatif kumpulan parcel di USM

Siswa-siswi di Universiti Sains Malaysia (USM) boleh menggunakan perkhidmatan daripada syarikat UniStorage dan USM Parcel Collection Team untuk mengumpul parcel (bungkusan) yang dihantar ke USM.

Menurut Pengurus UniStorage Iza Fazlan, UniStorage hanya mengenakan caj sebanyak RM0.50 untuk setiap bungkusan yang diterima tanpa mengira saiz. Tambahnya lagi, siswa-siswi hanya perlu menggunakan alamat UniStorage di Uptown Mall untuk menerima bungkusan.

"Sekiranya siswa-siswi ingin menggunakan perkhidmatan penghantaran bungkusan UniStorage, mereka perlu memberikan nama, nombor matrik dan juga alamat UniStorage.", jelas Iza.

Katanya lagi, perkhidmatan penerimaan bungkusan ini sebahagian daripada modul Student Mailroom yang ditawarkan oleh UniStorage.

"Dalam modul Student Mailroom ini, kami menawarkan tiga jenis perkhidmatan iaitu Student Mail and Receiving Solution, Student Shipping and Mail Forwarding Solution dan Student Mass Mailing", ujar Iza.

Selain itu, USM Parcel Collection Team juga menawarkan perkhidmatan pengumpulan parcel kepada siswa-siswi di USM.

Perkhidmatan ini adalah atas inisiatif dua orang siswa iaitu Lee Yei Hang dan Loh Zhen Ting untuk membantu siswa-siswi USM untuk mengumpul bungkusan yang dihantar kepada mereka.

"Siswa-siwi hanya perlu memberikan nama mereka, alamat desasiswa, nombor telefon dan tracking number bungkusan sekiranya mereka ingin menggunakan perkhidmatan kami", kata Lee.

Apabila ditanya mengenai syarikat penghantaran yang diterima oleh mereka, Loh menjelaskan perkara adalah bergantung kepada jarak syarikat tersebut dari USM.

Loh menjelaskan bahawa USM Parcel Collection Team mengenakan bayaran sebanyak RM5 bagi setiap bungkusan yang diterima dan akan dihantar terus kepada pemilik bungkusan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat penghantar adalah jauh dari USM, caj tambahan mungkin akan dikenakan kepada pelanggan. Tambahnya lagi, pengambilan dan penghantaran bungkusan dalam dijalankan pada setiap Selasa dan Jumaat.

Siswa-siwi boleh melayari laman web UniSotorage di www.unistorage.com.my dan 'like' laman web facebook USM Parcel Collection Team untuk maklumat lebih lanjut.

USM Parcel Collection Team mengenakan bayaran sebanyak RM5 bagi setiap bungkusan yang diterima dan akan dihantar terus kepada pemilik bungkusan tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya syarikat penghantar adalah jauh dari USM, caj tambahan mungkin akan dikenakan kepada pelanggan.

Aplikasi teori dalam praktikal bina kerjaya

Segelintir siswa-siswi menyoal aplikasi teori ataupun praktikal dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Universiti Sains Malaysia (USM) yang dapat menyumbang kepada alam kerjaya.

Menurut Timbalan Naib Canselor Bahagian Hal Ehwal dan Pelajar dan Alumni (HEPP), Profesor Dato' Dr Adnan Hussein, isu ini sering kali diperdebatkan dalam sektor akademik sejak dahulu lagi.

"Aplikasi teori dan praktikal memainkan peranan yang penting dalam proses P&P di USM. Pihak industri memerlukan graduan yang seimbang dalam mendalami kedua-dua konsep tersebut", jelas beliau.

"Peranan USM adalah untuk memberi pendidikan kepada siswa-siswi dan tidak dinafikan bahawa aplikasi praktikal juga memainkan peranan yang penting. Oleh itu, kedua-dua aspek tersebut harus dipraktikkan pada masa yang sama. Siswa-siswi perlu mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam praktikal untuk membina alam kerjaya yang bersesuaian dengan naluri mereka", tambahnya lagi.

Nurul Nadiah Ahamad Mahiudin, Sains Kajihayat 1, menyatakan bahawa aplikasi teori dan praktikal adalah penting untuk membina peluang kerjaya dalam kalangan siswa-siswi. Bidang praktikal tidak akan berkesan tanpa aplikasi teori.

Peranan USM adalah untuk memberi pendidikan kepada siswa-siswi dan tidak dinafikan bahawa aplikasi praktikal juga memainkan peranan yang penting. Oleh itu, kedua-dua aspek tersebut harus dipraktikkan pada masa yang sama. Siswa-siswi perlu mengaplikasikan teori yang dipelajari dalam praktikal untuk membina alam kerjaya yang bersesuaian dengan naluri mereka.

JPJ iktiraf usaha Tokoh Keselamatan Jalan Raya

Sumbangan dalam kajian dan pelaksanaan program-program keselamatan jalan raya dengan kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah melayakkan Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah dinobatkan sebagai Tokoh Keselamatan Jalan Raya.

"JPJ mengiktiraf peranan saya dalam perlaksanaan beberapa usaha berkaitan keselamatan jalan raya yang berkaitan dengan mereka. Saya juga membantu JPJ dalam membangunkan pelan transformasi penguatkuasaan JPJ selain menggubal dan merencana kurikulum pemanduan yang baharu", ujarnya.

Menurut Ahmad Farhan, beliau tidak menjangka tentang pengiktirafan ini dan amat terharu serta bersyukur kerana sebuah jabatan kerajaan yang besar dan penting seperti JPJ menghargai jasa dan usahanya di peringkat nasional.

"Saya bersyukur kerana anugerah ini juga hasil usaha yang berterusan dan sifat tanggungjawab yang menjadi pemangkin utama untuk saya menjadi pemacu keselamatan jalan raya negara", katanya lagi.

Isu yang menjadi pendorong utama beliau ketika menjalankan penyelidikan ialah untuk mengurangkan kesengsaraaan akibat kecuaian tentang isu keselamatan jalan raya. Hal ini kerana hampir 18 orang mati dan anggaran sekitar 100 orang cedera parah dilaporkan setiap hari di Malaysia akibat kemalangan jalan raya dan beliau mencuba untuk mengurangkan kadar kematian tersebut.

"Perkara ini amat penting kerana masalah kemalangan jalan raya adalah salah satu masalah negara yang tidak nampak jalan penyelesaiannya. Walaupun pelbagai faktor menjadi penyebab kepada risiko dan keselamatan jalan raya, tabiat manusia masih lagi menjadi penyebab utama.

"Bukan mudah untuk mengubah tabiat pengguna jalan raya di Malaysia. Melalui kajian ini, dua faktor penyumbang kepada tabiat buruk pengguna jalan raya telah dikenalpasti, iaitu latihan pemanduan yang kurang efektif dan juga penguatkuasaan yang lemah", katanya.

Menurutnya lagi, kedua-dua projek dianggap intervensi di dalam keselamatan jalan raya. Setiap intervensi adalah proses yang perlu membuahkan hasil. Hasil yang diingini daripada penyelidikan ini adalah pemanduan yang lebih selamat.

"Sebagai pejuang keselamatan jalan raya, saya perlu memastikan JPJ terus komited dalam pelaksanaan intervensi dan prestasi yang sesuai perlu dipantau untuk melihat keberkesanannya untuk memberi hasil yang dikehendaki", jelasnya lagi.

"Untuk projek ini, saya berharap dapat melakukan usaha pemantauan dan juga penyelidikan untuk mengkaji kemajuan, pengenalpastian masalah dan kekangan serta untuk memberi cadangan supaya intervensi mencapai hasil yang dikehendaki. Selain itu, penyelidikan ini luas dan ia boleh merentasi pelbagai bidang selain dari kejuruteraan", katanya kepada Berita Kampus.

Beliau kini sedang berusaha untuk melaksanakan pelbagai aktiviti di Pulau Pinang. Usaha tersebut ialah dengan merangka satu pelan strategik keselamatan jalan raya Pulau Pinang telah disediakan dan dijadualkan akan dilancarkan pada Mei tahun ini.

Selain itu, Ahmad Farhan turut menambah bahawa kejayaannya ini akan menjadi pendorong utama untuk menghasilkan penyelidikan yang lebih inovatif dan berguna untuk masyarakat.

Pada Ogos 2008 hingga Julai 2011, Ahmad Farhan pernah bertugas sebagai Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS).

Bukan mudah untuk mengubah tabiat pengguna jalan raya di Malaysia. Melalui kajian ini, dua faktor penyumbang kepada tabiat buruk pengguna jalan raya telah dikenalpasti, iaitu latihan pemanduan yang kurang efektif dan juga penguatkuasaan yang lemah.

Sambutan Hari Ibu 'harus'

Oleh **ASMAH ALI**

Setiap tahun Hari Ibu disambut, menjelang minggu kedua Mei oleh kebanyakan penduduk di seluruh dunia, termasuk masyarakat Islam di Malaysia. Bagi umat Islam hukumnya adalah harus bagi meraikannya selagi sambutan tersebut tidak berunsurkan elemen yang bercanggah dengan syarak.

Menurut Pengerusi Rancangan Bahagian Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Jasni Sulong, bagi menyatakan hukum halal dan haram dalam sesuatu perkara perlulah berdasarkan dalil-dalil yang kukuh dan sahih bagi menyokong hujah tersebut.

"Sesetengah ulama berpendapat bahawa sambutan Hari Ibu itu adalah haram untuk diraikan oleh umat Islam kerana ia termasuk di antara perkara baharu yang diadakan (bid'ah) dalam agama dan mengikut perayaan dari barat. Tetapi dalil yang dinyatakan itu tidak kukuh dan masih boleh dipertikaikan", jelasnya kepada Berita Kampus.

Tambah beliau lagi, jika dilihat dalam konteks hari ini, sambutan Hari Ibu itu umum di mana masyarakat meraikannya sebagai tanda penghargaan, kasih dan sayang kepada ibu mereka sendiri dan ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam malah Islam menggalakkan untuk berbuat baik kepada ibu bapa.

Mohamad Azroy Effendi Mohd Jasman, Ilmu Pendidikan 2, berkata semasa di sekolah rendah setiap tahun beliau dan keluarga menyambut Hari Ibu. Tetapi ibu mula terasa kerana hanya waktu tersebut sahaja anak-anak akan menelefon, memberikan hadiah dan sebagainya.

"Ini disebabkan ibu saya tidak ingin anak-anak hanya mengingatinya pada waktu-waktu tertentu. Sejak itu saya dan keluarga tidak menyambut Hari Ibu kerana saya sendiri merasakan ibu perlu dihargai setiap masa", katanya.

"Namun, ada yang berpendapat bahawa Hari Ibu ini diraikan sebagai tanda penghargaan di atas segala jasa dan pengorbanan seorang ibu. Bagi saya itu tidak menjadi suatu kesalahan selagi ibu merasa gembira dengan sambutan tersebut", tambahnya lagi.

Sambutan Hari Ibu itu umum di mana masyarakat meraikannya sebagai tanda penghargaan, kasih dan sayang kepada ibu mereka sendiri

Isu buli di sekolah pemangkin Projek 2B's

Isu buli yang berlaku di asrama dan sekolah dalam kalangan murid ialah satu isu utama yang ingin diselesaikan melalui projek 2B's: 'I'm a BUDDY, Not a BULLY' yang dilaksanakan di sekolah-sekolah yang terpilih.

Projek ini adalah kerjasama antara Bahagian Jaringan Industri & Masyarakat (BJIM) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Jabatan Pelajaran Pulau Pinang (JPPP), Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM dan sekolah-sekolah yang terpilih.

Projek ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran murid-murid dan guru-guru sekolah tentang masalah buli yang berlaku di sekolah.

Menurut Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) USM, Dr Jamal Safri Saibon, projek ini sebenarnya menjurus kepada kelestarian dan kelangsungan pendidikan yang sempurna dan seimbang terhadap semua murid tanpa wujud perasaan tidak selamat ketika berada di sekolah.

"Sejak kebelakangan ini kita sering mendengar isu buli yang berlaku di asrama dan sekolah dalam kalangan murid. Perkara ini yang mendorong kami melaksanakan projek ini sebagai langkah pencegahan", tuturnya.

"Mendidik dan melatih murid-murid sekolah untuk menjadi penyelesai konflik buli secara bijaksana dan sebagai bystander yang berfikiran positif dalam membantu mangsa buli. Selain itu, projek ini juga membantu sekolah meningkatkan kualiti pengurusan disiplin bagi menangani masalah tingkah laku buli dengan menubuhkan bilik operasi pencegahan buli", tambahnya lagi.

Beliau turut menjelaskan projek ini dilaksanakan melalui sesi pembelajaran secara pedagogi kreatif yang telah diperkenalkan oleh Dr. Andrei Aleinikov.

"Ia dilaksanakan menggunakan sistem stesen yang mempunyai tema-tema tertentu berkaitan dengan buli. Sesi ini akan melengkapkan kumpulan sasar dengan pengetahuan, kesedaran dan tindakan yang perlu diambil berkaitan dengan buli dengan menggunakan pendekatan pedagogi kreatif", ujarnya lagi.

Jamal turut menambah, menerusi pendekatan ini, unsur-unsur seni seperti muzik, arca, sajak, lakonan, tarian, tayangan video, kolaj dan persembahan puppet dikaitkan dengan pengetahuan berkaitan buli dengan bimbingan fasilitator, kaunselor dan guru sekolah yang telah dilatih.

"Sepanjang projek ini berlangsung, usaha untuk mengubah budaya buli di asrama yang menganggap ia satu budaya antara murid senior dengan junior adalah cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak kami namun secara perlahan-lahan kami dapat mengubah tanggapan tersebut", katanya lagi.

"Hasil daripada perlaksanaan projek ini, satu penerbitan artikel dalam jurnal dalam negara iaitu Jurnal Pendidikan Malaysia dan satu penerbitan luar negara iaitu dalam Journal of School Violence. Sebuah kelab yang dikenali sebagai Kelab 2B's: 'I'm a BUDDY, Not a BULLY' yang dianggotai oleh murid dan dibimbing oleh guru untuk menjalankan program pengetahuan dan kesedaran tentang buli di sekolah juga telah ditubuhkan di beberapa buah sekolah yang terlibat", tambah Jamal lagi.

Beberapa kertas persidangan dalam negara dan satu kertas persidangan luar negara berkaitan dengan tingkah laku buli juga turut dihasilkan.

Jamal menambah lagi, satu set modul iaitu Modul Peningkatan Pengetahuan dan Kesedaran Tentang Masalah Buli di Sekolah berasaskan program 2B's telah dihasilkan.

"Projek ini telah dinaik taraf sebagai Projek Libatsama Perdana (Flagship) bagi 2015 di bawah BJIM USM kerana memenuhi elemen-elemen Flagship serta mempunyai impak yang besar kepada komuniti setempat", katanya kepada Berita Kampus.

Antara pengiktirafan yang telah berjaya diperolehi melalui projek ini ialah anugerah EIU Best Practices Award 2013, anjuran Asia Pacific Centre of Education International Understanding (APCEIU) di bawah UNESCO, Korea Selatan.

Di samping itu, salah satu daripada inovasi di dalam aktiviti stesen iaitu Permainan 'Hati Buddy' telah berjaya memenangi pingat gangsa di dalam Innovation In Counseling di International Counseling Conference di Bandung, Indonesia pada 6-8/12/2011.

Selain itu, inovasi yang terhasil dari Program 2B ini juga telah terpilih untuk mewakili USM dalam Malaysian Technology Expo 2012 (MTE 2012) yang telah berlangsung di PWTC Kuala Lumpur pada 16-18 Febuari 2012 dan sekali lagi telah berjaya mendapat pengiktirafan pingat gangsa.

Mendidik dan melatih murid-murid sekolah untuk menjadi penyelesai konflik buli secara bijaksana dan sebagai bystander yang berfikiran positif dalam membantu mangsa buli.

PHS henti jilid akhbar



Sebahagian daripada akhbar yang dijilidkan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) sebelum keputusan menghentikan proses menjilid akhbar dibuat pada Julai 2014. PHS 2 mempunyai arkib akhbar bercetak dari 1950an sehingga Disember 2013.

Oleh **NORSYAFIQAH ZAMAL ISHAK**

Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), Universiti Sains Malaysia henti jilid akhbar berikutan boleh mengakses bahan tersebut secara atas talian, selain menjimatkan kos dan ruang.

Menurut Ketua Bahagian Bahan-bahan Bersiri dan Dokumen, Sukmawati Muhamad, siswa-siswi boleh mengakses surat khabar melalui laman web PHS di bawah pangkalan data Bernama Library & Infolink Service (BLIS) yang juga dilanggan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"PHS berhenti menjilidkan akhbar mulai Januari 2014 selepas meneliti faktor penyimpanan iaitu ruang dan kos menjilid. Namun PHS akan terus melanggan akhbar", katanya.

"Jika proses penjilidan diteruskan, persoalan ruang untuk menyimpan akhbar tersebut akan timbul. Tambahan lagi, kita sudah mempunyai bahan yang sama secara atas talian hanya perlu ubah pembaca membaca secara atas talian", tambahnya.

"Jika siswa-siswi ingin membuat rujukan surat khabar terdahulu, disarankan membuat rujukan melalui atas talian. Cara paparan akhbar sama seperti membaca surat khabar secara cetak selain halaman tersebut boleh dicetak", ujarnya.

"Walau bagaimanapun, siswa-siswi yang masih ingin membuat rujukan akhbar, PHS masih mengekalkan akhbar yang telah dijilid daripada 1950an hingga Disember 2013", katanya.

"PHS juga bercadang untuk membuat mikro filem namun terdapat kekangan seperti hak cipta dan kos yang tertentu. Terdapat organisasi media tempatan yang telah membuat mikro filem untuk tujuan komersial maka universiti tidak boleh melakukannya", jelasnya.

Jika proses penjilidan diteruskan, persoalan ruang untuk menyimpan akhbar tersebut akan timbul.

Sukarelawan Kampus Sejahtera tampil sebagai ikon kelestarian

Sukarelawan Kampus Sejahtera semakin giat menjalankan program kelestarian di sekitar kampus Universiti Sains Malaysia (USM). Selain penyampaian ilmu kelestarian yang berterusan kepada siswa-siswi, pembentukan kemahiran insaniah turut digilap menerusi perkongsian ilmu daripada jawatankuasa Sukarelawan Kampus Sejahtera sendiri.

Pengerusi Sukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit berkata, sememangnya sebelum ini kebanyakan program melibatkan panel dari luar dan berjawatan tinggi seperti profesor dan pegawai. Namun, Sukarelawan Kampus Sejahtera ingin melahirkan sukarelawan yang mempunyai pelbagai kemahiran, terutama kemahiran berkomunikasi.

"Semua sukarelawan akan menjadi panel dalam setiap program yang dianjurkan oleh Sukarelawan Kampus Sejahtera. Dalam masa yang sama, mereka adalah ikon dalam pelbagai bidang yang mana menerapkan ilmu yang berkaitan dengan bidang masing-masing", ujarnya.

Menurut beliau lagi, program tersebut dijalankan setiap minggu untuk meningkatkan kesedaran siswa-siswi tentang kelestarian kampus dan mencurahkan ilmu yang berkaitan dengan kelestarian.

"Setakat ini, sambutan yang diterima masih memberangsangkan. Oleh itu, program ini akan diteruskan lagi pada sidang akademik hadapan dengan pelbagai program lagi. Saya berharap setiap program yang dijalankan akan mendapat sokongan penuh dari semua warga USM", katanya lagi.

Bahagian Arkib Akhbar amal konsep terbuka

Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) 2 guna konsep terbuka di ruangan arkib akhbar untuk keselesaan pengguna. Siswa–siswi bebas membaca akhbar di ruangan yang disediakan tanpa perlu mendaftar.

Menurut Ketua Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen, Sukmawati Muhamad, berbeza dengan konsep terdahulu iaitu *close access* diguna ketika Bahagian Arkib berada di PHS 1. Ruang yang lebih luas di PHS 2 membolehkan konsep terbuka dilakukan.

"Mengenai akhbar yang tidak tersusun dengan baik di rak dan terdapat juga akhbar yang diletakkan di atas meja adalah kerana proses penerimaan semula bahan atau *retrievable* tidak sama seperti buku, pengguna bahan arkib bebas mencari bahan, membaca dan meletakkannya semula di tempatnya atau di atas meja", katanya.

Jelasnya lagi, pengguna bahan arkib ini tidak ramai seperti peminjam buku, PHS memberi keselesaan kepada mereka dan membenarkan meletak akhbar di atas meja jika ingin menggunakannya lagi dalam masa yang terdekat tetapi tidak boleh meninggalkannya terbuka atau di atas lantai.

"Siswa-siswi yang menghadapi masalah untuk mencari akhbar boleh dapatkan bantuan staf PHS 2 kerana akhbar tidak mempunyai nombor siri, sebaliknya disusun mengikut tahun", ujarnya.



Ruang kawasan membaca Bahagian Arkib Akhbar, Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) 2 membenarkan siswa-siswi meninggalkan akhbar yang ingin digunakan dalam masa tertentu di atas meja untuk keselesaan mereka.

Shark antibodies a potential cure

The shark antibody, immunoglobulin new antigen receptors (IgNARs) is the new approach for many scientists in their research of single-domain antibodies.

According to the Institute for Research in Molecular Medicine (INFORMM) lecturer, Dr Leow Chiuan Herng, the IgNARs small size and stability due to its heat tolerance are the factors that attract many scientists around the world to study the antibody.

"Many scientists want to figure out why sharks do not develop cancer. Although we do not have any proof and it is just a prediction, we assume the antibody may play a role", Dr Leow explained.

Dr Leow also added that shark has good immune system, allowing them to stay away from many diseases.

"Nowadays, people are trying to shrink or reduce the size of antibody from 150 kilo Dalton (kDa) to about 30 kDa or less by using engineering procedure but at the same time, there are already naturally found single domain antibody", Dr Leow said.

These naturally found single domain antibodies could be obtained from few animals in the sharks and the lama family such as camels.

"In Malaysia, it is hard to find animals in the lama family. Although, I plan to test on it in the future, I will put more effort on the discovery of the shark antibody discovery now because it is newly found", he told Berita Kampus.

The research on shark antibodies is new and has started for almost one decade. Dr Leow continued researching on shark antibodies from his time as a doctor of philosophy (Ph.D) student for almost five years now.

The research is currently in the paperwork application for animal ethics approval by the Animal Ethics Committee, School of Dental Sciences, Universiti Sains Malaysia (USM).

"Once it is approved, we can start our work anytime because my reagent is already ready. In the meantime, we are doing some groundwork before harvesting the shark", Dr Leow explained.

He also added that USM might be the pioneer for the research on shark antibodies in the Southeast Asia region.

Although we do not have any proof and it is just a prediction, we assume the antibody may play a role.

USM wujudkan taman herba

Universiti Sains Malaysia (USM) kini memiliki sebuah taman herba hasil kerjasama Pusat-pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) yang terletak di makmal penyelidikan Kluster Perubatan Integratif. Projek pembinaan taman yang dinamakan My Medical Herbs Garden ini bermula sejak hujung Disember lalu dan berjaya disiapkan kini.

Menurut Ketua Kluster Perubatan Integratif, Dr Lim Vuanghao, kos bagi membina taman herba ini sebanyak RM7,285 dan mengambil masa selama enam bulan untuk disiapkan. Sebanyak 52 jenis tanaman yang ada di dalam taman ini. Idea pembinaan taman herba ini tercetus daripada permintaan pelajar dan staf di IPPT yang memerlukan satu taman sebagai pusat rujukan penyelidikan herba.

Berkeluasan 100 meter persegi, taman herba ini memudahkan penyelidikan yang dilakukan oleh siswa-siswi yang melanjutkan pelajaran dalam sarjana dan Phd dalam membuat rujukan. Kesemua tanaman herba yang ada di sana berkaitan dengan penyelidikan di IPPT atau USM. Siswa-siswi yang melakukan penyelidikan herba akan menggunakan taman ini sebagai rujukan bagi penyelidikan herbarium atau kajian taksonom.

Selain itu, taman tersebut turut dijadikan koleksi herba tempatan dan kawasan beristirehat bagi siswa-siwi dan juga staf di IPPT. Orang awam dibenarkan untuk melawat taman herba itu bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai tanaman herba yang terdapat di sana. Antaranya ialah tanaman daun kunyit, lengkuas, pegaga, pokok kaduk dan sebagainya. Terdapat beberapa tanaman yang dibawa oleh kakitangan di IPPT untuk ditanam sebagai salah satu koleksi di taman herba tersebut.

Menurut Dr Lim, ketika proses perlaksanaan taman tersebut, mereka mengalami beberapa cabaran. Antaranya dari segi kewangan dan tanah. Modal yang diperuntukkan kepada mereka amat terhad oleh itu mereka perlu mengoptimakan setiap sen yang dibelanjakan bagi memastikan setiap pihak mendapat manfaat darinya.

"Terdapat pelbagai perancangan dilakukan terhadap taman herba ini, namun beberapanya terpaksa ditangguhkan kerana modal yang tidak mencukupi. Cabaran lain ialah jenis tanah di kawasan tersebut yang kurang sesuai dengan komposisi tanaman herba namun, dengan bantuan dari Eco Hub, masalah ini dapat diselesaikan", jelasnya lagi.

Menurutnya lagi keistimewaan yang terdapat di taman tersebut adalah ia dilengkapi dengan dua dimensi bar kod yang mempunyai segala maklumat mengenai herba di taman tersebut di dalam datanya. Maklumat seperti nama tempatan, nama saintifik, taksonomi, nilai perubatan, jurnal penerbitan dan sebagainya boleh didapati dengan mengimbas kod bar tersebut yang terdapat pada tanaman menggunakan telefon pintar atau tablet.

Orang awam dibenarkan untuk melawat taman herba itu bagi mendapatkan maklumat tambahan mengenai tanaman herba yang terdapat di sana. Antaranya ialah tanaman daun kunyit, lengkuas, pegaga, pokok kaduk dan sebagainya.

Tepung sawit inovasi baru dalam pemakanan

Oleh **NURSYAHIDAH ABU BAKRI**


Penyelidikan mengenai tepung sawit yang dijalankan oleh pensyarah teknologi persekitaran, Prof Dr Ir Mohd Omar mampu memberikan inovasi baru dalam sektor pemakanan. Penyelidikan ini juga turut dibantu oleh pelajar sarjana iaitu Wan Nursyazreen Dalila Wan Sharuddin.

Menurut Nursyazreen, perbezaan antara tepung sawit dan tepung biasa adalah proses penghasilan dan khasiat yang terkandung dalam tepung sawit tersebut. Hal ini kerana kandungan yang digunakan dalam tepung sawit ini tidak sama seperti tepung biasa.

"Tepung sawit diperbuat daripada isirong palma atau pun lebih dikenali sebagai palm kernel. Tepung tersebut tidak diproses menggunakan bahan kimia, tetapi kami memproses isirong palma tersebut dengan cara mengeluarkan minyak sawit terlebih dahulu", jelas beliau.

"Jika dibandingkan dengan tepung biasa, proses penghasilan tepung biasa menggunakan bahan kimia. Bahan kimia ini digunakan untuk menghilangkan bau, warna dan rasa tepung tersebut", kata Nursyazreen kepada Berita Kampus.

Penyelidikan yang tinggal sebanyak 15% untuk disiapkan ini juga mendapati bahawa, nutrien seperti protein dan asid amino yang terdapat dalam tepung sawit lebih mudah untuk diserap oleh badan.



Isirong palma yang belum dikeluarkan minyak sebelum diproses menjadikan tepung sawit. GAMBAR DARI GOOGLE

"Penyelidikan yang dijalankan ke atas anak lembu mendapati bahawa, anak lembu yang diberikan tepung sawit sebagai makanan menjadi lebih gemuk, ini kerana proses penyerapan nutrien yang berlaku adalah lebih cepat", jelas beliau.

Selain itu juga, tepung sawit ini juga akan dipasarkan ke pasaran setelah siap penyelidikan ini dijalankan. Harga jualan juga berkemungkinan akan lebih murah dari tepung biasa.

"Setelah siap penyelidikan ini, produk ini akan dipasarkan dengan harga yang dijangka lebih murah dari tepung biasa. Ini kerana, proses penghasilan tepung biasa jauh lebih mahal kerana menggunakan bahan kimia yang lebih banyak", katanya.

Menurut Syazreen, antara cabaran dalam membuat kajian tersebut ialah suhu dan bahan kimia yang tidak sesuai untuk mendapatkan minyak dari isirong palma.

Biometric system, a new security measure

By MICHELE NG HENG KIM

Traditional authentication methods such as pin number, password, username and token-based authentication are insufficient hence the need for biometric technology in Malaysia.

"Many developed countries like United States, Japan, United Kingdom, France, Germany, and Canada already deployed the biometric system for voter registration, national identity number (ID), national healthcare or ePassport projects", explained the School of Electrical and Electronics Engineering lecturer, Dr Dzati Athiar Ramli.

Dr Dzati also added that biometric technology has the potential to do everything from enhance national security to economic issues.

"Biometric technology has advanced to the point where the cost can be comparable to other non-biometric systems. With the right programming, a biometric system is inherently more reliable that will rapidly expand to fill all aspects of life", she told *Berita Kampus*.

Dr Dzati who has nine years of experience in the Biometrics and Artificial Intelligence field is currently the project leader of a research to implement heartbeat signal in the field.

"Recent research proves that heartbeat signal can be used as biometric trait for human authentication and identification. Heartbeat signal is proposed due to the difficulty of an individual's heartbeat to be faked", she explained.

According to Dr Dzati, the heart produces a strong and audible sound which could be measured by electrodes attached to the human body and recorded by an external device.

"The electrical activity is called Electrocardiogram or ECG and it comprises of 5 waves. These waveforms are used as biometric trait to measure the rate and regularity of heartbeats as well as the position and size of the chambers, the existence of any damage to the heart and the effects of drugs", she added.

The biometric technology based on heartbeat signal uses the internal features from body which provides a level of assurance for the prevention of duplication. It can be applied widely such as physical access control, medical records management, as well as government and forensic applications. Moreover, in medical application, it can be used to detect the existence of any damage to the heart and effect of drugs.

The proposed heartbeat biometric system consists of four main modules, which are heartbeat data acquisition, pre-processing, feature extraction, classification. Kernel Sparse Representation Classifier (KRSC), a new and efficient classification technique is used as classifier while Wavelet Transform is used as features in the research.

"Based on the experiment, a very promising result has been obtained. The results were employed in two modes which are identification and verification modes. For identification, more than 85% of accuracy has been achieved. In the meantime, 7% of error rate was found in the verification mode", she told Berita Kampus.

According to Dr Dzati, her future plan is to collaborate with industry body to develop a prototype call Wearable and a portable heartbeat detection kit.

The research on the implementation of heartbeat signal in biometric field received funds from Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) and Universiti Sains Malaysia (USM) Research University Grant.

This research has also been presented in the 2014 International Conference on Circuit, System and Control in Interlaken, Switzerland in February last year. It has also won the third prize in Malaysia Innovate Design Competition under Intel track last year.

Recent research proves that heartbeat signal can be used as biometric trait for human authentication and identification. Heartbeat signal is proposed due to the difficulty of an individual's heartbeat to be faked.

Skizofrenia jadi taruhan pelajar tahun akhir

Penyakit mental skizofrenia yang ditonjolkan sebagai mesej utama dalam pementasan teater Antara telah mendapat sambutan menggalakkan daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM).

Teater Antara adalah projek tahun akhir siswa-siswi Pusat Pengajian Seni. Ia telah diadakan selama dua hari berturut-turut pada 7 dan 8 Mei lalu di Panggung Pelenggang Cahaya Pusat Pengajian Seni USM.

Menurut pengarah teater Antara, Nor Faezah Khalid, penyakit mental skizofrenia menjadi fokus utama teater ini kerana masih ramai lagi yang tidak sedar tentang kewujudannya.

"Pendedahan tentang penyakit ini masih kurang, justeru teater ini membantu masyarakat dengan sedikit informasi yang diketengahkan. Selain itu, supaya masyarakat lebih menerima pesakit yang menghidap penyakit ini. Teater ini juga bercorak pendidikan kerana mempunyai mesej yang hendak disampaikan", katanya.

"Walaupun ini hanya sebuah pementasan teater, kami perlu melakukan beberapa kajian tentang penyakit ini melalui tontonan video, merujuk pakar psikiatri dan juga melawat wad psikiatri dan kesihatan mental untuk mendapatkan lebih maklumat tentang penyakit ini", ujarnya.

Tambahnya lagi, melawat wad psikiatri adalah perkara yang mencabar kerana perlu memahami emosi pesakit skizofrenia kemudian cuba mengaplikasikannya kepada jalan cerita tetaer ini.

"Sememangnya baik untuk kita menerima dan mempelajari tentang penyakit mental, namun bukankah lebih baik sekiranya kita memberi pendedahan kepada masyarakat khususnya siswa-siswi USM tentang penyakit mental skizofrenia. Selain itu kita perlu mempunyai inisiatif untuk membantu golongan yang menghidap penyakit ini", jelasnya lagi.

Skizofrenia ialah satu penyakit mental yang sangat kompleks kerana menyebabkan gangguan emosi, tingkahlaku dan pemikiran.

Menurut Pakar Psikiatri Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Pulau Pinang, Dr Mohd Iyas, pementasan ini menggambarkan hampir 100% tentang penyakit mental skizofrenia.

Beliau dijemput untuk memberi sedikit penerangan kepada penonton tentang penyakit ini sebelum pementasan dimulakan.

"Pementasan ini menggambarkan tentang salah satu ciri bagi seorang pesakit mental skizofrenia dan saya harap penonton mendapat pendedahan di samping dapat berhibur", jelasnya lagi.

"Tanggapan orang tentang kemampuan saya untuk membawakan watak pesakit mental skizofrenia adalah satu cabaran besar buat saya. Saya mengambil cabaran ini untuk membuktikan saya boleh membawa pelbagai jenis watak", kata Yasmin Jamil yang memegang watak utama sebagai Maria de Sauza, iaitu wanita yang menghidap penyakit skizofrenia.

"Watak ini berbeza dengan watak yang saya pernah lakonkan kerana ia memerlukan penghayatan emosi yang tinggi. Bukan mudah untuk mengawal emosi. Bayangkan, saya perlu menukar emosi yang berlainan setiap tiga minit dan ia bukan perkara yang mudah untuk dilakukan kerana sekiranya emosi itu tidak dapat disampaikan dengan baik, ia tidak akan menggambarkan keadaan pesakit mental skizofrenia dan seterusnya penonton tidak akan dapat merasai kesannya", akhirnya.

Pendedahan tentang penyakit ini masih kurang, justeru teater ini membantu masyarakat dengan sedikit informasi yang diketengahkan. Selain itu, supaya masyarakat lebih menerima pesakit yang menghidap penyakit ini. Teater ini juga bercorak pendidikan kerana mempunyai mesej yang hendak disampaikan.

Pengekalan kualiti air kelapa

Penyelidikan yang dijalankan oleh pensyarah teknologi makanan, Dr Tan Thuan Chew mengenai air kelapa untuk penyimpanan dijangka akan memberikan sumbangan terhadap industri minuman air kelapa yang siap untuk diminum di Malaysia.

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah untuk menyelesaikan masalah berkaitan industri tersebut dengan memantau evolusi ciri-ciri fizikokimia dan mikrobiologi air kelapa di bawah keadaan penyimpanan yang berbeza.

Menurut Tan, penyelidikan ini dapat membantu dalam menyelesaikan masalah penyimpanan air kelapa. Secara tidak langsung, ia dapat memberikan manfaat kepada negara ini kerana Malaysia tersenarai sebagai sepuluh negara yang tertinggi dalam mengeluarkan buah kelapa.

Penyelidikan yang telah siap pada fasa pertama ini juga menjangkakan bahawa, untuk mengekalkan kualiti air kelapa, keadaan penyimpanan kelapa ialah salah satu aspek yang penting untuk mengekalkan kualiti air.

"Terdapat beberapa cara untuk mengekalkan kualiti air kelapa. Antaranya dengan mengawal keadaan penyimpanan kelapa serta memantau cara air kelapa dikeluarkan sebelum diproseskan", jelas Tan.

"Penyelidikan yang sedang dijalankan ini menunjukkan bahawa, penyimpanan air kelapa akan bertahan selama lapan hari dan ke atas jika disimpan pada suhu 4°C hingga 20°C", jelasnya.

Menurut Tan, jika dibandingkan dengan penyelidikan lepas, suhu yang ditekankan adalah lebih tinggi. Secara tidak langsung, ianya telah mengurangkan perhatian pengeluar-pengeluar bagi minuman air kelapa tersebut.

"Selain itu, penyelidikan ini juga akan mengkaji terhadap kesan-kesan penyimpanan dan keadaan buah kelapa untuk menjadi baik, ke atas kualiti air kelapa semasa penyimpanan", tambah beliau.

Penyelidikan yang sedang dijalankan ini menunjukkan bahawa, penyimpanan air kelapa akan bertahan selama lapan hari dan ke atas jika disimpan pada suhu 4°C hingga 20°C.



Latihan menembak dalam kedudukan meniarap adalah salah satu cara penembak bagi mendapatkan sasaran yang tepat di samping sebagai satu cara untuk melindungi diri dari terkena tembakan dari arah musuh.

Suasana gempar di Kem Hobart

Oleh **MUHAMAD RIDZWAN MD ALI**

Bagai hidup di medan perang, letupan peluru grenad launcher (M203) dan bom memang membingit celahan bukit bukau sekitar kawasan lapang sasar Kem Hobart, Gurun, Kedah. Itulah gambaran yang berlaku di kem tersebut setiap kali latihan menembak dijalankan bagai berlaku pertempuran yang sebenar. Sebagai memenuhi impian permainan strategi corak peperangan, hal ini tidak melemahkan semangat Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Tentera Darat (TD) Universiti Sains Malaysia (USM) untuk turut serta dalam mengendalikan senjata dengan kemahiran masing-masing.

Seawal lima pagi menjadi rutin sebagai pegawai kadet untuk bangun lebih awal bagi menyiapkan diri untuk menjalani latihan menembak ini. Suasana yang sunyi dan dingin bagai di gurun sebenar membuatkan air paip seperti dari hulu sungai yang sejuk menusuk hingga ke tulang putih. Namun, tidak menjadi penghalang bagi mereka untuk menikmati air yang sedemikian kerana mereka akan menjalani latihan sepanjang hari di padang lapang sasar yang panas terik membaham muka. Cukup sekadar membawa bekalan air minuman yang sedikit dan digunakan juga untuk bersolat sehingga senja. Pastinya ada yang rebah jika tidak tahan terik panas matahari.

Tepat pukul 6.30 pagi nyanyian lagu Negaraku berkumandang dan seorang wakil pasukan melaporkan jumlah keseluruhan anggota kepada pegawai sebelum menjalani latihan fizikal. Semua anggota memakai pakaian separuh loreng. Daripada baju bersih, baju akan bertukar menjadi kotor kerana dipenuhi tanah dan lumpur di samping basah dek embun yang membasahi rumput padang. Melompat, merangkak, berguling, berlari ke setiap penjuru padang menjadi kebiasaan. Wajah keletihan pasti terpampang di setiap wajah pegawai kadet, ketika menjalani latihan fizikal ala peperangan. Itulah menjadi kebiasaan bagi seorang anggota tentera untuk melatih ketahanan daya mental dan fizikal mereka.

Kenderaan pengangkutan jenis Trak HICOM Handalan seberat 3 tan tiba membawa anggota pegawai kadet untuk memasuki medan lapang sasar sejauh dua kilometer dari penginapan meraka. Masing-masing telah mempersiapkan diri dengan Pakaian Lengkap Medan (PLM) bersama senjata persendirian bagi menuju ke kawasan tapak tembak. Sepanjang menyusuri laluan ke lapang sasar, persekitarannya tidak begitu menarik buat mereka yang selesa tinggal di kota dan bandar. Namun bagi seorang anggota tentera, persekitaran yang dipenuhi dengan hutan tebal dan jalan berbecak sudah menjadi kebiasaan bagi mereka.

Pengalaman berada di lapang sasar adalah mengasyikkan, walaupun ramai beranggapan lapang sasar adalah kawasan persekitaran yang luas tanpa ada pepohon untuk berteduh ketika panas terik di tengahari, namun anggapan itu tersasar kerana terdapat juga kawasan latihan menembak seperti lorong hutan yang digunakan untuk menguji penggunaan sejata dan kuasa tembakan sesuatu persenjataan bermula dari senjata kecil hingga ke senjata berat.

Kemahiran menembak adalah satu keperluan asas yang diperlukan oleh semua anggota tentera tanpa mengira kor dan pangkat bermula dari pangkat terendah seperti Lain-lain Pangkat (LLP) sehingga ke Pegawai (PEG). Senjata adalah objek yang sinonim dengan dunia ketenteraan. Ianya merupakan perkara asas yang perlu diberi kemahiran kepada setiap anggota sebagai tentera. Seorang anggota tentera yang terlatih, mestilah sekurang-kurangnya pandai dalam mengendalikan senjata persendirian iaitu senjata jenis M16 atau M4 dalam persekitaran tidak ketentuan, ketakutan, kelesuan dan bahaya yang lazimnya diaplikasikan dalam keadaan peperangan yang sebenar.

Menjadi keistimewaan bagi anggota pegawai kadet untuk mempelajari pelbagai jenis senjata bermula dari senjata persendirian sehingga ke senjata bantuan yang sering digunakan dalam peperangan. Antara senjata yang berpeluang mereka pelajari adalah senjata jenis Pistol, M16, M4, Launcher (M203), Carl Gustav, Light Michane Gun (LMG), Mortar 80mm, Mortar 60mm dan MGKA/ GPMG. Pembelajaran senjata ini adalah secara berperingkat bermula dari senjata kecil hingga ke senjata berat.

Setibanya di tapak lapang sasar, kesemua anggota diberi perintah tetap bertulis yang dikeluarkan oleh pentadbiran Kem Hobart bagi memastikan keselamatan setiap anggota adalah terjamin dan selamat sewaktu menjalani latihan. Kain bendera merah akan dinaikkan menandakan kawasan tersebut adalah dilarang sesama sekali bagi anggota berkeliaran sekitar kawasan Kem Hobart tanpa tujuan kerana berisiko terkena serpihan bom atau peluru sesat sewaktu anggota lain menjalankan latihan. Kelihatan mudah anggota tentera mengendalikan senjata, namun disiplin yang tinggi sentiasa perlu tersemat di ingatan bagi memastikan latihan menembak berjalan dengan lancar dan selamat.

"Dalam kedudukan berdiri, sasaran 400 meter, satu butir, isi peluru!. Pandang hadapan, siapa siap tembak!". Itulah arahan yang diberikan oleh pengawal penembak ketika menjalani latihan. Setiap arahan perlu sentiasa diikuti dan dipatuhi. Pengalaman kuasa tembakan peluru grenad launcher memberikan pengalaman yang berharga saat dentuman peluru mengenai sasaran kereta perisai di hadapan. Ketakutan mula hilang apabila seorang pegawai kadet sudah selesa dengan keadaan persekitaran bunyi yang menggerunkan sehingga tidak puas untuk melakukannya.

Tiada erti kata sepi dan sunyi di sini, daripada apa yang diperhatikan. Setiap anggota sentiasa bergerak pantas dan terkejar-kejar dalam berjaga-jaga serta bercakap dalam nada penuh lantang serta hormat. Kebanyakan mereka menghormati sesama-sendiri dan bekerja secara berpasukan. Jika bertembung dengan sesiapa sahaja ketika berjalan, kebanyakan mereka akan berjalan membuka dada yang menunjukkan tanda hormat. Ini adalah tanda nilai disiplin seorang anggota tentera ketika mereka berada di dalam sebuah kem tentera.

Kem Hobart tidak menjanjikan pengalaman yang gembira sepanjang latihan, menjadi rutin setiap pegawai kadet yang terpilih sahaja untuk merasai pengalaman mistik waktu menjelang senja ketika menjaga gudang puluru yang terletak jauh daripada penginapan iaitu di tengah kawasan lapang sasar. Hanya memerlukan sekitar lima orang anggota untuk menjaga setor penyimpanan peluru di bangunan yang kecil. Mungkin mereka yang terpilih sahaja akan merasai peluang yang berbeza daripada anggota lain kerana pengalaman seram akan di lalui oleh pengguna lapang sasar Hobart menjelang gelap.

Kem Hobart diberi nama bersempena nama Kapten Hobart, seorang pegawai tentera British pada tahun 40an yang membuka kem meninggalkan kisah suka, duka, misteri tersebut di kawasan Hutan Simpan Bukit Perak. Pengalaman berada di kem tersebut adalah satu pengalaman yang paling berharga buat pegawai kadet. Tidak hairanlah jika kem ini sering mendapat liputan akhbar tentang kematian anggota tentera sewaktu latihan. Kesimpulannya, banyak pengalaman yang akan di bawa pulang oleh setiap mereka yang penah hadir di sini. Mungkin pengalaman itu sedikit berbeza kerana mungkin ada juga tidak akan datang untuk kali kedua.



Penyamaran diri adalah sebahagian daripada taktik yang diperlukan dalam latihan menembak di lorong hutan di Kem Hobart yang bertujuan mengelirukan padangan musuh ketika peperangan di kawasan hutan.



sumber gambar dari Google

Kembangkan industri pelancongan kesihatan

Oleh **SITI NAZIFAH TAJUDIN**

Industri pelancongan memainkan peranan yang semakin penting sebagai nadi ekonomi dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan pemangkin pembangunan di Malaysia. Pada tahun 1990, kerajaan Malaysia telah mengadakan Tahun Melawat Malaysia untuk menggamit kebanjiran pelancong.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pendapatan industri pelancongan mencatatkan peningkatan 7.2 peratus dengan nilai RM103.3 bilion pada tahun 2013 dalam menjana ekonomi Malaysia. Hal ini menunjukkan peningkatan ekonomi yang memberangsangkan yang dibawa masuk melalui industri pelancongan.

Kerajaan telah menggerakkan semua agensinya untuk memastikan sektor pelancongan berkembang pesat sejajar dengan pembangunan negara yang pantas. Memang tidak dapat dinafikan bahawa bidang pelancongan mendatangkan manfaat yang tidak ternilai dan menjanjikan pulangan yang lumayan.

Selain menjadi sumber pendapatan negara, industri pelancongan berperanan penting dalam membaiki dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Hal ini disebabkan sektor ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang perkhidmatan, perhotelan, perniagaan dan penghasilan kraftangan agar rakyat dapat mencari nafkah hidup dan mata pencarian dengan tulang empat kerat.

Atas kesedaran ini, segala sumber kekuatan Malaysia dalam industri pelancongan harus dicungkil, dikembangkan dan dimanfaatkan secara maksimum agar impian Malaysia untuk menjadi destinasi pelancongan antarabangsa yang tersohor dapat dicapai.

Dalam konteks ini, salah satu bidang dalam industri pelancongan ialah pelancongan kesihatan. Menurut Kamus Dewan, pelancongan kesihatan ialah untuk menarik pelancong berkunjung ke sesebuah negara atas sebab perawatan dan perubatan di samping makan angin. Oleh itu, langkah-langkah yang efektif harus diambil dalam usaha memajukan industri pelancongan negara kita.

Antara langkah yang perlu diambil ialah mempereratkan kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pelancongan. Seperti kata pepatah berat sama dipikul, ringan sama dijinjing untuk membina kewibawaan dan kredibiliti Malaysia dalam industri pelancongan kesihatan.

Dalam usaha memajukan industri pelancongan kesihatan, kos perubatan dan perawatan tidak dapat diketepikan. Tidak dapat dinafikan bahawa kos perubatan dan perawatan yang kompetitif dengan tawaran mutu perkhidmatan setanding negara maju dapat menggamit kebanjiran pelancong asing ke Malaysia.

Antara contoh yang menunjukkan kejayaan Malaysia dalam aspek ini boleh diperolehi dalam laporan News Straits Times mengenai Pusat Pemulihan Mahkota Melaka yang menawarkan perubatan dan perawatan yang tarafnya setanding dengan negara Barat tetapi dengan kos yang rendah telah berjaya menarik pelancong negara serantau yang berjumlah 2 000 orang sebulan.

Tidak ketinggalan juga, kemudahan insurans kesihatan harus disediakan terus secara talian supaya pelancong dapat berkunjung ke negara kita untuk mendapat rawatan dan perubatan dengan lebih yakin dan selesa.

Disamping itu, pengaplikasian teknologi yang canggih dan lengkap dalam bidang perubatan amat penting bagi memajukan industri pelancongan kesihatan. Dalam hal ini, pusat pemulihan kesihatan yang dapat memenuhi pelbagai keperluan pelancong harus ditubuhkan selengkapnya.

Sebagai contoh, Pusat Jantung Malaysia di Kuala Lumpur harus didirikan di bandar utama seperti di Pulau Pinang, Johor Bharu, Melaka dan sebagainya supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada pelancong perubatan yang menghidap penyakit kardiovaskular. Seterusnya, pusat penjagaan kesihatan harus ditubuhkan seperti membantu pesakit diabetes untuk mengawal berat badan yang sesuai dan memberikan nasihat serta rawatan kepada mereka tentang amalan pemakanan yang seimbang. Bagi pelancong yang mementingkan kecantikan fizikal, pusat perawatan muka dan pelangsingan badan seperti spa harus ditubuhkan dan dikawal secara profesional agar dapat memelihara kecantikan, kelangsingan badan dan kesihatan dari luar dan dalam.

Selain itu, teknik promosi yang pragmatik harus dilaksanakan bagi memajukan industri pelancongan kesihatan di Malaysia. Dalam hal ini, maklumat komprehensif berkaitan dengan perawatan dan perubatan di Malaysia seharusnya disebarkan secara meluas kepada masyarakat global.

Dalam hal ini media massa menjadi wahana dan medium yang amat penting dan berkesan dalam penyebaran maklumat. Selain itu, maklumat berkenaan juga perlu disebarkan di lokasi yang strategik seperti di tempat awam di luar negara agar dapat menarik kedatangan pelancong asing ke Malaysia. Pada masa yang sama, pihak hospital hendaklah berusaha mendapat pengiktirafan terutamanya di peringkat antarabangsa.

Selain itu, dari segi kualiti Malaysia sememangnya mempunyai potensi yang tinggi kerana mampu menimbulkan keyakinan pelancong kesihatan terhadap mutu rawatan di negara kita yang didorong oleh pengiktirafan Kualiti Kesihatan Persatuan Perubatan Malaysia (MSQH) serta standard MS IS09002.

Pengiktirafan tersebut diberikan kepada pengamal perubatan tempatan yang memenuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Oleh itu, Malaysia amat sesuai sebagai destinasi pelancongan kesihatan kerana terdapat banyak pusat perubatan persendirian yang lengkap dengan peralatan canggih dan doktor pakar yang berpengalaman dan berpengetahuan tinggi.

Lebih istimewa, pusat perubatan swasta di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan penginapan kerana kos penginapan hospital bergantung pada pilihan pesakit sama ada mahu memilih penginapan yang mewah atau penginapan yang selesa dengan bayaran yang berpatutan.

Menurut laman web www.malaysiahealthcare.com, dinyatakan bahawa terdapat beberapa pusat perubatan dan hospital swasta dan kerajaan seperti Gleaneagles Medical Centre, International Specialist Eye Centre (ISEC), KL Fertility & Gynaecology Centre, Perlin Loke Aesthetic Dentistry dan sebagainya menawarkan pakej menarik dan berpatutan. Kesemua hospital ini menyediakan menyediakan pakej-pakej tertentu dalam percutian perubatan. Beberapa jenis rawatan perubatan yang popular kepada kalangan pelancong perubatan juga disenaraikan termasuklah rawatan kardiologi, ortopediks, pergigian, pembedahan kosmetik sehinggalah kepada prosedur pembedahan minor.

Kesimpulannya, kudrat dan usaha yang berlipat ganda harus digembleng bersama dalam usaha memajukan industri pelancongan kesihatan. Pihak bertanggungjawab perlu bersikap proaktif, progresif dan dinamik dalam memajukan industri pelancongan kesihatan.

Seandainya segenap lapisan masyarakat bekerjasama memikul tanggungjawab ini sudah pasti usaha kita untuk membangunkan industri pelancongan kesihatan akan berjaya dan Malaysia akan terkenal sebagai destinasi pelancongan kesihatan antarabangsa di persada dunia.

Pelancongan kesihatan ialah untuk menarik pelancong berkunjung ke sesebuah negara atas sebab perawatan dan perubatan di samping makan angin.



sumber gambar dari Google





[KIRI] Zalina Basumi, 33 menunjukkan empat produk pekasam iaitu pekasam ayam, pekasam daging, pekasam kambing, pekasam ikan yang dikeluarkan oleh syarikatnya di Jitra, Kedah.
[TENGAH] Serbuk beras yang digoreng tanpa minyak antara bahan asas yang perlu digunakan membuat pekasam ikan.
[KANAN] Inilah pekasam ikan yang dikeluarkan oleh masyarakat kampung dihasilkan secara tradisional tanpa menggunakan peralatan canggih.

Pekasam daging citarasa baru

Umum sedia maklum bahawa jika menyebut tentang pekasam, masyarakat Malaysia terutamanya kaum Melayu akan terfikir ikan pekasam yang digoreng bersama cili dan bawang merah. Kemudian apabila diperahkan sedikit air limau dan dihidangkan bersama nasi putih yang panas, pasti membangkitkan selera penggemarnya. Namun, pada hari ini beberapa pengusaha pekasam telah berjaya melakukan inovasi dalam industri pekasam dengan menggunakan daging selain ikan. Ya, daging. Mengapa daging?

Menurut seorang pengusaha daging pekasam, Zalina Basumi menjelaskan cetusan idea tersebut adalah daripada suaminya, Zam Shapri Zakaria yang ingin mencipta satu kelainan dalam industri pembuatan pekasam. Maka beliau, suami dan ibu mertuanya cuba menggunakan daging sebagai bahan utama menggantikan ikan. Walaupun daging pekasam merupakan satu inovasi dalam industri pembuatan pekasam, cara dan bahan yang digunakan adalah sama dengan cara dan bahan pembuatan ikan pekasam.

"Saya, suami dan ibu mertua telah melakukan beberapa cubaan untuk menghasilkan resepi dan kaedah yang terbaik bagi menghasilkan daging pekasam ini. Beberapa cubaan yang awal telah gagal, namun kami tidak putus asa untuk menjadikannya satu realiti. Pada cubaan pertama, kami ingin menghasilkannya seperti ikan pekasam tradisional yang diperam bersama air. Namun tidak menjadi. Kemudiannya kami cuba memeramnya tanpa air dan menunjukkan hasil yang lebih baik. Seterusnya, kami melakukan penambahbaikan untuk mengetahui tempoh masa, suhu, jenis daging dan struktur daging yang lebih sesuai untuk membuat pekasam dan dikomersialkan", jelas beliau.

Bagi menghasilkan daging pekasam yang lazat, 'rump steak' yang terletak pada bahagian belakang lembu merupakan bahagian yang terbaik untuk dijadikan daging pekasam. Rasional di sebalik adalah bahagian tersebut mempunyai mempunyai lemak dan urat yang sedikit berbanding bahagian lain yang mempunyai banyak urat dan berlemak.

"Untuk menghasilkan daging pekasam, kami hanya menggunakan bahagian tertentu sahaja iaitu bahagian 'rump steak' ataupun lebih dikenali sebagai daging batang pinang. Kebiasaannya, daging import digunakan berbanding daging tempatan disebabkan harganya yang jauh lebih murah dan mudah diperoleh", ujarnya.

"Perbezaan yang ketara mengenai daging pekasam dan ikan pekasam adalah rasa dagingnya yang lembut, tidak terlalu masin, tidak masam dan tidak berbau hanyir. Ini membolehkan sesetengah orang yang tidak suka bau hanyir ikan pekasam, dapat merasai keenakan daging pekasam," tambahnya lagi.

Mungkin ada sesetengah masyarakat yang tidak mengetahui sebab ikan pekasam lebih berbau. Jelas Zalina, ikan mengandungi kadar protein yang lebih tinggi dan mudah dicernakan berbanding daging menyebabkan sesetengah bakteria yang ada di dalam ikan lebih aktif ketika diperam.

Jadi apakah sains di sebalik pembuatan pekasam? Untuk mendapatkan penjelasan tersebut, Berita Kampus telah menemu ramah Prof Madya Dr Nurul Huda, Pengerusi Program Teknologi Makanan. Jelasnya, tempoh masa pemeraman daging (ayam, kambing, lembu) dibuat dengan menggunakan kaedah yang serupa dengan ikan, namun memerlukan tempoh pengeraman yang lebih lama disebabkan biasanya daging ayam, lembu dan kambing lebih tebal berbanding isi ikan. Walau bagaimanapun, tempoh pemeraman dapat dipendekkan jika daging tersebut dihiris nipis sebelum diperam.

Tambahnya lagi, kandungan protein sarkoplasmik yang lebih banyak dalam ikan menyebabkan ikan lebih berbau berbanding daging.

"Ikan lebih berbau kerana ia lebih banyak mengandungi protein sarkoplasmik, sejenis protein yang melarut dalam air, berbanding dengan daging. Protein sarkoplasmik ini menyumbang kepada bau mana-mana sumber haiwan seperti ikan, daging dan unggas", katanya.

Inovasi dalam pembuatan pekasam ini, terutamanya bagi pekasam daging semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Menurut Zalina Basumi, walaupun daging pekasam masih baru lagi di pasaran, ianya mendapat sambutan yang menggalakan daripada masyarakat. Permintaan masyarakat terhadap daging pekasam adalah lebih banyak daripada ikan pekasam. Kira-kira 800 kilo daging dihasilkan dalam masa sebulan untuk menghasilkan daging pekasam.

Penggemar pekasam, Mohd Shapiee Hashim, 55, berkata daging pekasam sangat sedap dan mempunyai keistimewaannya yang tersendiri.

"Sebelum ini, saya biasa makan ikan pekasam tetapi apabila pertama kali mencuba daging pekasam pula, rasanya sangat lazat. Daging pekasam kurang berbau dan kurang masin. Memang sesuai dengan selera saya," jelasnya.

Menurut Shapiee, daging pekasam patut diperluaskan lagi jualannya kerana ia merupakan sesuatu yang baru dan tidak ramai yang tahu mengenainya.

Rohani Mahamood, 54 pula berkata lebih gemar makan ikan pekasam kerana rasa yang sesuai dengan citarasa lidah saya berbanding daging pekasam.

"Pertama kali saya mencuba daging pekasam rasanya agak pelik dengan lidah saya kerana tidak pernah makan tetapi inovasi tersebut bagus kerana ada pembaharuan dalam pembuatan pekasam yang tidak terhad kepada ikan, kata Rohani.

Sumber asli

Aroma bau ikan yang diperam mungkin tidak disukai oleh sesetengah orang. Tetapi rasanya yang enak pasti akan menaikk selera ketika makan. Itulah penangan makana tradisi masyarakat Melayu iaitu ikan pekasar Penyediaannya yang mudah ditambah denga rasa yang enak menyebabkan ia menjadi hidangan pilihan terutamanya ketika bersahu bagi masyarakat Melayu yang gemar dengan menu ikan pekasam.

Ikan air tawar seperti ikan tasik ikan dan sungai sering dijadikan pilihan utama dalam penyediaan pekasam. Namun, terdapat juga i laut yang juga dijadikan pekasam. Ikan pekas yang dipercayai wujud sekitar tahun 50-an disebabkan ketiadaan teknologi pembekuan seperti peti sejuk. Oleh itu, masyarakat dahul berupaya untuk menyimpan ikan dalam temp masa yang lama melalui cara pemeraman menggunakan bahan-bahan asli semula jadi.

Pekasam

Yakin dengan rezeki dari hasil perniagaan masyarakat Melayu di Kuala Kangsar dan Lenggong, Perak mengambil langkah untuk melibatkan diri mereka dalam industri penghasilan makanan. Demi menampung ko sara hidup yang meningkat, Mohd Sipi Sahir 60, tinggal di Kampung Jenalik Hillir, Kuala Kangsar, Perak yang bekerja sebagai pengaw keselamatan telah mengambil inisiatif bagi melibatkan diri bersama isterinya Zawiyah M 58, dalam bidang pengeluaran produk hiliran

Zawiyah lebih terkenal sebagai peniaga dan pengusaha membuat pekasam. Dia yang membuat pekasam dari pelbagai jenis ikan ai tawar dan ikan laut dapat mengembangkan ekonomi tradisionalnya bersifat setempat. Pekasam keluaran Zawiyah telah memenuhi cita rasa pembeli membuatkan dia berhasrat mengembangkan lagi perusahaannya. Jika dahulu, ahli keluarganya membuat pekasam adalah untuk dimakan sendiri, hari ini pekas tersebut telah mampu untuk dikomersialkan.

Menurut wanita anak kelahiran Kuala





i dalam pekasam

Menurut Pengerusi Program Teknologi Makanan, Prof Madya Dr Nurul Huda, kaedah pengawetan hanya akan bermula sekiranya berlaku lebihan bahan mentah. Kemungkinan idea pekasam ini tercetus secara tidak sengaja semasa ikan tercampur dengan nasi yang bertindak sebagai sumber karbohidrat dan ia memberi kesan pengawetan.

Ikan pekasam menggunakan bahan-bahan asli seperti garam, asam keping dan serbuk beras yang digoreng tanpa menggunakan minyak. Tambah beliau, penggunaan garam, asam keping dan serbuk beras dalam pekasam mempunyai peranan masing-masing yang membantu proses pengeraman berlaku.

"Garam yang bersifat toksin digunakan untuk membunuh dan menghalang perkembangan bakteris pembusuk, proteolitik dan bakteria yang membawa penyakit, pathogen. Bahan makanan yang dicampur atau digaul dengan garam akan memiliki jangka hayat yang lebih panjang berbanding keadaan asal. Garam juga boleh memberikan perisa khas kepada produk makanan".

"Asam keping pula akan menyebabkan persekitaran makanan menjadi masam dan sekaligus menurunkan nilai pH makanan kepada <6 dan ia adalah sesuai untuk perkembangan Lactic Acid Bacteria (LAB). Seperti garam, asam keping juga membantu untuk membunuh proteolitik dan pathogen. Serbuk beras pula membantu sebagai sumber 'tenaga' yang akan menyokong perkembangan LAB", ulas beliau kepada Berita Kampus.

Selain menggunakan sumber asli untuk menghasilkan ikan pekasam, suhu juga memainkan peranan yang penting dalam memastikan jangka hayat bahan mentah yang dipekasamkan bertahan lebih lama. Tambah beliau, semakin rendah suhu ikan pekasam ditempatkan, semakin lama jangka hayat ikan pekasam. Jadi jangka hayat bagi ikan pekasam boleh mencapai sehingga satu tahun tanpa perubahan kualiti apabila ia disimpan dalam suhu sejuk beku.

Uniknya ikan pekasam kerana ia menggunakan bahan semula jadi sepenuhnya. Banyak produk makanan yang ada pada zaman ini menggunakan bahan kimia supaya makanan tahan lama. Tetapi ikan pekasam hanya menggunakan garam, asam keping dan serbuk beras yang digoreng tanpa minyak untuk memanjangkan tempoh hayatnya. Pendek kata, ikan pekasam lebih selamat dan terjamin kualitinya untuk dimakan berbanding makanan segera yang dihasilkan melalui teknologi sekarang. Masyarakat perlu sedar bahawa makanan tradisi kita lebih baik berbanding makanan moden yang menggunakan banyak bahan kimia.

Bahan makanan yang dicampur atau digaul dengan garam akan memiliki jangka hayat yang lebih panjang berbanding keadaan asal. Garam juga boleh memberikan perisa khas kepada produk makanan.

jana ekonomi masyarakat kampung

Kangsar ini, pasaran pekasamnya sentiasa mendapat permintaan daripada pengemar makanan tersebut malah permintaan pekasamnya mendapat permintaan yang banyak daripada masyarakat dari sebelah pantai timur. Biarpun kedai mereka berada tepian jalan di kawasan kampung dan jauh dari pusat bandar, ramai pelanggan yang akan membeli pekasam mereka sepanjang melalui laluan lebuh raya dari Gerik ke Kuala Kangsar.

Menurut Zawiyah lagi, ramai yang membeli pekasamya secara pukal kerana harga dijual adalah lebih murah berbanding pekasam yang dijual di kawasan pekan atau bandar. Tambahnya lagi, pembeli lebih gemar membeli pekasam daripada masyarakat desa kerana penghasilannya adalah secara tradisional dan lebih berkualiti. Mudah bagi Zawiyah untuk memenuhi permintaan dan tempahan daripada pembeli kerana hasil ikan adalah mudah didapati melalui tangkapan sendiri. Oleh Itu, harganya adalah lebih murah berbanding penjual yang mengambil bahan mentah daripada nelayan tasik dan sungai mengikut harga pasaran semasa.

Bagi seorang peniaga, Zawiyah bersama suaminya gembira apabila pekasam yang dijual berharga RM 5 sebungkus sudah mampu membawa pulangan sehingga RM 1500 sebulan daripada hasil jualannya. Hanya bermodalkan ikan tangkapan sendiri dan bahan untuk memeramkan ikan yang murah telah mampu meraih pulangan yang berbaloi sehingga mampu menambahkan lagi pendapatan keluarganya.

Bagi Khadijah Muhamad, 54, yang tinggal di Kampung Beng, Lenggong, Perak, walaupun berniaga di rumah sudah mampu menambahkan pendapatannya selain bergantung daripada duit pemberian anak-anak untuk menyara kehidupan. Oleh itu, melalui perusahaan pekasam ini mampu menjana ekonomi masyarakat Melayu yang tinggal di kampung kerana kemahiran dalam penghasilan pekasam secara tradisional sentiasa mendapat permintaan daripada pengemar makanan tersebut.

Menurut Khadijah, terdapat juga pembeli yang sanggup datang dari jauh memasuki kampung untuk membeli pekasam di rumahnya. Menurutnya lagi, pembeli lebih gemar mengambil pekasam darinya keranan ikan yang digunakan adalah ikan liar dan masih segar. Hal ini menggambarkan bahawa pembeli dari luar lebih gemar untuk mengambil pekasam hasil daripada masyarakat kampung kerana penghasilan dan cara pembuatannya adalah secara turun-temurun dan lebih sedap.

Hari ini, memang tidak dapat dinafikan bahawa perniagaan bukan sahaja melibatkan golongan masyarakat di bandar sahaja. Penglibatan pengusaha pekasam daripada desa adalah lebih mendapat perhatian di pasaran tempatan kerana pengusaha desa berupaya mengekalkan warisan pekasam turun-temurun melalui resepi dan cara pembuatannya. Oleh itu, pekasam ini mampu untuk menyumbang terhadap ekonomi masyarakat Melayu desa.

Pasaran pekasamnya sentiasa mendapat permintaan daripada pengemar makanan tersebut malah permintaan pekasamnya mendapat permintaan yang banyak daripada masyarakat dari sebelah pantai timur.

Demi keamanan negara

Oleh **NUR FARZANA JASMI**

"OOW (Pegawai Dalam Memerhati) tuan, arah merah 40, kelihatan satu kali kapal dagang, jarak jauh, tuan."

"Bagus, teruskan memerhati."

"Tuan."

Meskipun ayat demikian mudah dituturkan, namun setiap bait-bait perkataan itu mempunyai maknanya yang sangat penting dalam pelaksanaan tugas sebagai anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), terutamanya semasa pelayaran kapal.

Dalam kepekatan malam yang hanya disinari cahaya bulan dan bintang, kapal frigat KD Hang Tuah yang menggunakan nombor pennant 76 masih berada gah membelah samudera di Laut China Selatan. Kekukuhan kapal KD Hang Tuah sedikit pun tidak dapat dibandingkan dengan usia sebenar meskipun keadaan kapal perang itu sudah berusia hampir 40 tahun.

Walaupun kebanyakan orang pada waktu itu sedang enak tidur diulik mimpi indah, namun lain pula rutin bagi anggota TLDM yang sentiasa perlu berjaga-jaga mengawasi lautan Malaysia dari ancaman musuh. Pengalaman penulis sepanjang dua hari pelayaran bersama KD Hang Tuah cukup mengkagumkan apabila melihat setiap anak kapalnya walaupun berbeza pangkat, dari anggota lain-lain pangkat sehinggalah kepada pangkat Pegawai Memerintah, masing-masing berkerjasama dalam menjalankan tugas mengemudi kapal tanpa menghiraukan penat lelah demi mengalas tanggungjawab yang dipikul untuk memastikan keselamatan negara terjamin.

Sungguhpun keadaan kapal yang tidak selesa seperti di rumah yang memiliki perabot lengkap, tandas yang luas, tilam yang empuk tetapi bagi setiap anggota TLDM itu, kapal itu adalah rumah bagi mereka kerana di situlah mereka berada selama beberapa bulan di lautan. Di situlah mereka melihat matahari terbit dan terbenam. Dari situ jugalah pelbagai pengalaman pahit manis yang telah mereka lalui, menjadikan mereka tabah dalam menjalankan tugas biarpun terpaksa meninggalkan keluarga tersayang jauh beribu batu nautika dari daratan.

Walaupun tidak ramai masyarakat yang berminat untuk menyertai dalam barisan pertahanan negara tetapi berbeza pula dengan Leftenan Komander Mohd Syamir Mohamad Shokri. Minat beliau telah dipupuk oleh bapanya, Mohamad Shokri sejak kecil lagi yang sangat menginginkan anak ketiga dari enam beradik ini menyertai pasukan TLDM, meskipun beliau pernah bercita-cita menjadi seorang guru. Dorongan bapanya yang tidak berbelah bahagi membuahkan hasil apabila beliau diterima masuk untuk melanjutkan pelajaran di Akademi Tentera Malaysia pada 2003 sehingga 2007.

Menyingkap penglibatan Leftenan Komander Syamir dalam TLDM, beliau yang berasal dari Alor Setar, Kedah itu memasuki perkhidmatan tentera pada tahun 2003 sebagai Pegawai Kadet sebelum dikurniakan Ijazah Sarjana Muda Sains (Nautika). Kemudiannya beliau telah diserap masuk ke dalam pasukan TLDM setelah ditauliahkan sebagai Leftenan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada 2007.

Sepanjang perkhidmatan, bapa kepada dua orang cahaya mata itu sudah berkhidmat di unit KD Hang Tuah pada tahun 2007 sebelum ditukarkan ke unit Ex Sri Inderapura sebagai Pegawai Pensenjataan pada 2008 hingga 2009. Seterusnya beliau ditugaskan di Stesen Komunikasi TLDM Lumut sebagai Pegawai Tadbir pada 2009 hingga 2010 dan KD Lekiu sebagai Pegawai Peperangan Anti Kapal Selam pada 2010 hingga 2012. Setelah hampir dua tahun di KD Lekiu, beliau ditempatkan semula di unit KD Sultan Idris 1 sebagai Pegawai Jurulatih Peperangan Anti Kapal Selam pada 2012 sehingga sekarang. Cita-cita beliau sebagai guru turut dikecapi dalam TLDM apabila diberi peluang menjawat jawatan sebagai Pegawai Jurulatih Peperangan untuk mengajar pegawai-pegawai muda dalam TLDM. Titik peluh beliau sebagai pegawai TLDM membuahkan hasil beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Leftenan Komander TLDM pada 2013.

Berkongsi pengalaman sepanjang 12 tahun bersama TLDM, beliau berkata, pelbagai detik pahit manis yang telah dilaluinya sepanjang perkhidmatan apabila diberi peluang mengikuti beberapa latihan, kursus dan operasi dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara. Malah, sepanjang berkhidmat beliau telah diberi peluang untuk melawat tujuh buah negara iaitu India, Djibouti, Australia, Thailand, Singapura, Myanmar dan China bagi urusan ketenteraan.

"Kerjasama dan bimbingan yang diberikan pegawai atasan serta rakan seperjuangan banyak membantu memperbaiki diri dan meningkatkan kemahiran sebagai seorang pegawai yang berkepakaran peperangan maritim" ujar beliau yang telah mengikuti Kursus Pegawai Peperangan Utama pada 2010 di KD Sultan Idris 1 dan Kursus Kepakaran Peperangan Anti Kapal Selam pada 2011 di INS Venduruthy, India.



[ATAS] Kemesraan yang ditunjukkan oleh Leftenan Komander Syamir (empat dari kiri) bersama pegawai–pegawai dari Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Laut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) semasa pelayaran bot layar Zuhrah di sekitar Lumut membuatkan dirinya mudah didekati.
[BAWAH] Menjadi cita-cita beliau untuk menjadi seorang tenaga pengajar apabila diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan sebagai Pegawai Jurulatih Peperangan di Kapal Diraja Sultan Idris 1 (KDSI 1) untuk mendidik pegawai-pegawai muda dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).



Ini termasuklah sokongan padu yang diterima daripada ibu bapa, isteri dan anak-anak membuat dirinya lebih bersemangat dalam menjalankan amanah serta tanggungjawab yang dipikul.

Menurut Leftenan Komander Syamir, pengalaman paling bernilai sepanjang perkhidmatannya ialah berpeluang melaksanakan operasi buat kali pertama bersama kapal selam TLDM iaitu KD Tunku Abdul Rahman pada tahun 2010.

"Pengalaman ini membuka minda saya mengenai kelebihan yang ada kepada sesebuah negara yang memiliki kapal selam dan secara langsung membawa peperangan maritim TLDM kepada satu dimensi dan perspektif yang lebih luas.

"Saya juga kagum dengan kebolehan yang ada pada kapal selam TLDM serta kesiagaan krew kapal selam yang sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

"Selain itu, perkara yang paling tidak dapat dilupakan adalah berpeluang melancarkan torpedo dari kapal KD Lekiu untuk latihan penembakan", katanya.

Bagi Leftenan Komander Syamir, peluang yang diterima beliau untuk terlibat dalam dua penembakan peluru berpandu atau misil TLDM iaitu Exocet MM40 dan Seawolf dari permukaan ke sasaran di Perairan Selat Melaka pada tahun 2012 adalah pengalaman yang sangat berharga kerana jarang diperolehi oleh seseorang pegawai TLDM.

Pengalaman demi pengalaman ditimba bersama TLDM khususnya telah membawa Leftenan Komander Syamir menyertai Operasi Fajar 1 pada 2008 di Teluk Aden, Somalia bersama Ex Sri Inderapura untuk misi menyelamatkan dan membebaskan kapal dagang milik MISC iaitu MT Bunga Melati 2 dan MT Bunga Melati 5 yang dirampas lanun Somalia.

Katanya, walaupun pelbagai peristiwa pahit yang telah berlaku dalam dunia ketenteraan, namun ia sedikit pun tidak melunturkan semangatnya untuk terus berkhidmat sebagai pegawai tentera. Malah pelbagai usaha yang dilakukannya untuk memajukan diri dalam ilmu pengetahuan ketenteraan dan sebagai suntikan semangat kepadanya untuk melihat kemajuan berterusan dalan TLDM khasnya. Tambahan pula, komitmen yang diberikannya dalam ATM adalah sebagai penghargaan apabila mengenangkan pelbagai pengorbanan yang dicurahkan oleh anggota terdahulu bagi mempertahankan negara dari musuh durjana serta visi TLDM 'To Be A World Class Navy" dapat dicapai dengan jayanya.

"Rakyat Malaysia perlu sentiasa terus menyokong ATM dengan memberi sepenuh kepercayaan terhadap kedibiliti ATM dalam mengekalkan kedaulatan negara dari sebarang ancaman luar.

"Mendalami ilmu itu sangat penting. Dengan ilmu, mustahil kita akan bergerak ke belakang. Begitu juga untuk ketenteraan, semakin berilmu warganya, semakin pantas bergerak mengatasi musuhnya" katanya.

Bebas tembakau tanggung-jawab individu

Sekretariat Kampus Sejahtera Universiti Sains Malaysia (USM), dengan kerjasama Sekretariat USM-MySihat dan Pusat Sejahtera telah mengadakan Program Talk Series yang bertajuk Tembakau Ancaman Negara pada 12 Mei yang lalu di Dewan Kuliah I pada jam 9 malam.

Menurut Pengarah Projek Green Day Festival, Mohamad Iberahim Mohd Kifri, program tersebut ialah salah satu program dalam Green Day Festival yang berlangsung dari 11 hingga 13 Mei. Tujuan Talk Series diadakan adalah untuk mendedahkan siswa-siswi kepada cara hidup yang sihat dan bebas daripada tembakau.

Penceramah jemputan, Ho Rhu Yann, mengatakan bahawa dalam kalangan rakyat Malaysia, terdapat 23% yang merupakan perokok manakala 77% bukan perokok. Akan tetapi, sekiranya terdedah kepada rokok, tiada perbezaan antara perokok dan perokok pasif ini kerana kedua-dua individu ini menghisap asap rokok ke dalam badan.

"Perokok pasif adalah mereka yang menghisap rokok walaupun tidak bersukarela, dan impak negatif perokok pasif ini adalah sama dengan perokok aktif", kata beliau.

Beliau memberikan fakta bahawa di Malaysia, dua daripada 10 orang adalah perokok. Terdapat 10,000 orang rakyat Malaysia yang mati setiap tahun disebabkan rokok.

"Sekiranya kita tidak mengambil sebarang inisiatif atau tindakan, tembakau akan terus membunuh sebanyak satu bilion orang dalam abad ini", ujar beliau.

Selain memaklumkan hadirin mengenai keburukan merokok, Ho juga menyeru bukan perokok untuk melindungi diri daripada rokok, iaitu dengan menjauhi perokok apabila mereka sedang merokok.

"Menteri Kesihatan Malaysia sedang mempertimbangkan pelaksanaan kawasan terbuka dan kawasan berhawa dingin sebagai kawasan bebas asap rokok. Saya sebagai Pengerusi Persatuan Green Lung Malaysia ingin menyeru siswa-siswi untuk menyokong tindakan ini dengan menyuarakan pendapat anda melalui laman web http://www.greenlung.org/publicsurvey/", seru beliau.

Chai Zheng Yee, Pengurusan 3, mengatakan ceramah tersebut mendedahkannya kepada pengetahuan yang baru, misalnya, merokok memang dapat melangsingkan badan kerana merokok merosakkan deria kita, menyebabkan kita tidak berminat untuk makan apa-apa tetapi memastikan perut tidak lapar sahaja.

Generasi muda perlu sedar kepentingan jaga alam

Oleh **DEBRA WONG SER LIN**

Generasi muda perlu peka tentang keperluan memelihara dan memulihara alam sekitar kerana merekalah yang akan mengalami padahnya jika dunia dibiarkan untuk terus tercemar.

Menurut pengasas dan pengurus Power Shift Malaysia, En. Adrian Yeo, generasi muda akan terkesan oleh keputusan yang dibuat oleh pembuat-pembuat keputusan dunia yang sudah lanjut usia dan atas sebab ini, wujud keperluan untuk mendidik generasi muda agar mereka dapat mainkan peranan yang aktif dalam mencegah pencemaran alam.

"Generasi muda perlu sedar bahawa pencemaran alam akan menggugat kesejahteraan mereka. Misalnya, terdapat kajian yang menunjukkan bahawa dunia kemungkinan besar akan mengalami kekurangan sumber makanan dan air bersih menjelang tahun 2050 sekiranya global terus berleluasa. Hal ini adalah kerana untuk setiap peningkatan suhu dunia sebanyak 1 darjah Celcius, pengeluaran makanan dunia akan jatuh sebanyak 30 peratus," jelas En. Adrian kepada Berita Kampus.

"Kesedaran alam itu perlu disampaikan dalam cara yang difahami oleh generasi muda, iaitu melalui contoh-contoh yang berkait rapat kepada kehidupan seharian mereka seperti pembuangan sampah, pembaziran makanan dan sebagainya," tambah En. Adrian.



En. Adrian Yeo (kanan, berdiri) daripada Power Shift Malaysia menjalankan aktiviti pembacaan dengan sekumpulan pelajar-pelajar sekolah rendah dalam Bengkel Lautan 101 sempena Ocean Awareness Outreach (OAO) 2015.

En. Adrian merupakan salah seorang penceramah dalam bengkel Lautan 101 untuk kanak-kanak dan remaja yang dijalankan pada 10 Mei yang lalu sempena Ocean Awareness Outreach (OAO) 2015. Peserta bengkel tersebut terdiri daripada pelajar 8 sekolah rendah, menengah dan antarabangsa di sekitar Pulau Pinang serta 8 orang kanak-kanak daripada daripada rumah anak yatim Ramakrishna Ashrama.

Menurut setiausaha Ramakrishna Ashrama, En. Vishwa Kanagarellu, kanak-kanak perlu didedahkan kepada maklumat-maklumat mengenai penjagaan alam kerana mereka yang akan merangka masa depan negara kita.

"Saya rasa inisiatif seperti bengkel Lautan 101 ini berfaedah kepada kanak-kanak yang saya bawa ke sini kerana mereka didedahkan secara visual dan terperinci mengenai hakikat kerosakan alam sekitar. Misalnya, melalui tayangan wayang 'The Cove' yang mengisahkan pembunuhan kejam ikan lumba-lumba serta perbincangan filem selepas tayangan tersebut, mereka akan memikir mengenai kesan kemusnahan alam," ulas En. Vishwa.

Bengkel Lautan 101 untuk kanak-kanak tersebut telah dijalankan pada pukul 10 pagi sehingga 4 petang dan melibatkan sesi permainan, ceramah serta tayangan wayang. Bengkel Lautan 101 untuk kanak-kanak melibatkan kerjasama daripada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) serta dua organisasi bukan kerajaan, iaitu Power Shift Malaysia serta Persatuan Pencinta Alam Malaysia.

Makmal Penulisan Ilmiah pencetus siswa-siswi yang holistik dan seimbang

Makmal Penulisan Ilmiah (MPI) ICOND 2015 buat pertama kalinya mengadakan program anjuran Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Sains Malaysia (USM) di Dewan Pembangunan Siswa 1, Kompleks Cahaya Siswa, Kampus Induk USM 9 Mei lalu.

Program yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Dr Muhamad Jantan merangkap Timbalan Komandan PALAPES Laut USM itu, mendapat sambutan memberangsangkan dari beberapa unit uniform USM dan PALAPES Universiti Awam yang hadir bersama-sama memeriahkan program.

Dalam ucapan perasmian oleh Prof. Dato' Dr Muhamad Jantan, beliau menggalakkan MPI itu diadakan kerana ia adalah kemahiran yang diperlukan pada masa ini bagi meningkatkan kemahiran dalam diri setiap siswa-siswi sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPM PT) yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak April lalu."Lonjakan pertama yang digariskan adalah untuk menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang dalam kemahiran komunikasi secara bertulis bagi melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran hidup setanding dengan graduan luar negara.



Timbalan Komandan PALAPES Darat USM (dua dari kanan), Mejar Shahrizal Nazri bersama Timbalan Komandan PALAPES Laut USM, Prof. Dato' Dr Muhamad Jantan (baju putih) di Dewan Pembangunan Siswa 1, Kompleks Cahaya Siswa, Kampus Induk USM hadir memberi sokongan bagi menjayakan program Makmal Penulisan Ilmiah ICOND 2015.

"MPI ini diharapkan dapat memberi tunjuk ajar dalam penulisan untuk menjadi pencetus kepada usaha lanjutan masa hadapan untuk meningkatkan kemahiran menulis seperti graduan luar yang boleh bertutur, berkomunikasi dan menulis pada tahap optimum", tambahnya.

MPI yang diadakan selama sehari itu adalah sebagai pendedahan kepada siswa-siswi untuk menghasilkan kertas kerja yang berkualiti mengikut piawaian Sarjana APEX bagi pembentangan Persidangan Antarabangsa Pertahanan Negara (ICOND) pada Oktober 2015.

Pengarah MPI ICOND, Nurul Waheeda Mustafar, berkata, persidangan yang akan berlangsung Oktober nanti bertujuan untuk mencungkil bakat serta sikap realistik peserta terhadap persekitaran pada masa kini dan masa hadapan.

"Makmal penulisan ini sebagai satu motivasi dalam diri peserta sebagai persediaan menerokai dunia masa hadapan secara lebih inovatif, kreatif dan berdaya maju dengan menguasai keupayaan bersaing dalam semangat keusahawanan dan pengurusan persepsi yang baik berteraskan kepada asas keilmuan universiti yang perlu dipertahankan," katanya.

Turut hadir ke MPI ialah Timbalan Komandan PALAPES Darat USM, Mejar Shahrizal Nazri dan tetamu jemputan Leftenan Mohd Azmer Abu Bakar dan Leftenan Abang Mohd Razif Abang Muis.

Kehidupan kampus dibawa ke pentas

Oleh **NG XIANG YI**

Kehidupan kampus siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi tema siri persembahan pentas Persatuan Bahasa Tionghua (PBT) USM, Les Mémoires.

Menurut Pengarah Projek, Low Kean Cheat, tema Les Mémoires melambangkan satu buku yang mencatatkan kehidupan kampus yang seolah empat musim di bumi.

"Melalui siri persembahan pentas ini, penonton dapat melihat keistimewaan cara pemikiran dan perkara yang dibincang oleh siswa-siswi kerana setiap persembahan di pentas adalah kreativiti dan hasilan karya sendiri", kata Low dalam ucapannya.

Timbalan Naib Canselor, Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) USM, Profesor Dato' Dr. See Ching Mey turut hadir bersama pada malam itu bagi merasmikan majlis tersebut.

"Saya berharap siswa-siswi dapat menghayati dan meraikan kepelbagaian budaya di negara ini melalui belajar bahasa Mandarin dan bahasa-bahasa lain tanpa mengira kaum", kata Dr. Susie See.

Dalam ucapannya, beliau turut menyeru agar program ini diteruskan bagi mempamerkan bakat dan kebolehan siswa-siswi USM dalam usaha mempromosi dan mempertahankan kepelbagaian budaya.

Tema persembahan malam tersebut merangkumi 12 persembahan iaitu dua drama, empat tarian, empat nyanyian, live band, dan juga pertunjukan Diablo, iaitu yoyo cina.

Sempena dengan Hari Ibu, salah sebuah drama A Key to HARmony memaparkan jasa dan sumbangan seorang ibu terhadap keluarga. Rose Ma, watak ibu dalam drama mengambil keputusan untuk menyembunyikan diri kerana ahli keluarganya tidak sedar akan kepentingannya terhadap keluarga. Kisah kehidupan keluarga Har yang lucu dan menarik berjaya menghiburkan para penonton.

Malam tersebut berjaya menarik 600 penonton yang hadir di Dewan Budaya seawal jam 6 petang. Siswa-siswi dari Kampus Kejuruteraan USM dan Universiti Utara Malaysia turut hadir bersama

Program ini diteruskan bagi mempamerkan bakat dan kebolehan siswa-siswi USM dalam usaha mempromosi dan mempertahankan kepelbagaian budaya.

UKM tinjau Pusat Ko-k USM

Oleh **MUHAMAD RIDZWAN BIN MD ALI**



Siswa-siswi yang mewakili badan unit beruniform Univeristi Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) seperti Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS) Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam (SISPA) tidak terkecuali untuk berkongsi pengalaman serta idea dalam pengurusan badan unit beruniform yang berlangsung di Pusat Rancangan Kokurikulum (PRK) USM pada 11 Mei yang lalu

Kesatria Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengadakan satu sesi lawatan penanda aras ke Pusat Rancangan Kokurikulum (PRK) Universiti Sains Malaysia (USM). Lawatan ini telah disertai 4 orang pegawai dan 4 orang pelajar dari badan unit beruniform yang diketuai oleh Pengarah Kesatria UKM, Prof Madya Dr Mohd Rizal Mohd Yaakop.

Menurut Pengerusi Rancangan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) USM, Kapten Dr Mohd Hazizan Mohd Hashim, lawatan penanda aras ini lebih menfokuskan kepada perbincangan penyatuan dan cara mengorganisasi Pusat Rancangan Kokurikulum. Perbincangan ini juga lebih menumpukan terhadap pengurusan dua badan unit beruniform di UKM iaitu Kor Sukarelawan Polis (SUKSIS) dan PALAPES UKM.

"Kesatria berusaha untuk menjadikan PRK sebagai satu contoh atau model untuk diaplikasikan di UKM bagi menguruskan kursus badan unit beruniform yang ditawarkan di sana. Tambahnya lagi, setakat ini UKM masih belum menubuhkan pusat rancangan kokurikum yang menggabungkan badan beruniform berteraskan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) di sana", katanya.

Turut hadir dalam taklimat lawatan penanda aras UKM adalah Pengarah PRK, Prof Madya Dr Ahmad Tajuddin Othman dan pengerusi-pengerusi rancangan badan unit beruniform USM yang berlangsung di bilik mesyuarat PRK USM pada 11 Mei lalu.

Dalami silat elak gejala sosial



Demonstrasi penggunaan Parang Lading yang menjadi senjata rasmi Seni Silat Cekak yang juga senjata asli orang Melayu yang khas digunakan untuk mempertahankan diri. Ia juga merupakan kompenan utama dalam lambang rasmi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM).

Golongan belia diseru untuk mendalami ilmu persilatan bagi menggelakkan diri daripada terdedah dengan gejala sosial. Demikian ucapan YB Senator Datuk Seri Dr Haji Mohd Ali Rustam merangkap Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) pada Malam Pendekar sempena sambutan Perayaan 40 Tahun Jubli Delima Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Universiti Sains Malaysia (PSSCUSM), pada 1 Mei bertempat di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP).

Beliau turut menggulas mengenai golongan belia yang terlibat dalam militan Negara Islam (IS) yang secara tidak langsung memberi ancaman kepada negara.

"Seramai 93 orang golongan muda yang telah dikenal pasti terlibat dalam IS di seluruh negara dan 20 daripada mereka telah berjaya ditangkap. Kebanyakan golongan muda ini terpedaya denga tujuan utama iaitu berjihad dalam menegakkan Islam", tambah beliau.

Ibu bapa haruslah memainkan peranan utama dalam menjaga anak-anak supaya terhindar daripada gejala tersebut dari terus merebak. Beliau turut mencadangkan mendalami ilmu persilatan sebagai satu cara mengisi masa terluang.

Kerajaan juga telah menubuhkan satu inisiatif terbaru dipanggil One Silat bertujuan untuk menarik golongan muda untuk menyertai silat selain memeriahkan kembali seni silat Melayu. Penyertaan tersebut turut dibuka secara online sempena hari belia negara.

Selain itu beliau turut mengumumkan bahawa silat akan dipertandingkan dalam Sukan Asia buat pertama kalinya dan berpotensi untuk memberi pingat emas kepada negara.

"Kita harus berbangga kini telah wujud pertubuhan silat antarabangsa yang terdiri daripada negara Eropah, Timur Tengah dan Amerika Latin. Hal ini secara tidak langsung mampu mengembangkan silat ke peringkat yang lebih tinggi", tambah beliau lagi.



2



3



4



1

Muzium Mazda, Hiroshima unggul dengan koleksi klasik

MUZIUM Mazda yang ditubuhkan oleh Mazda Motor Corporation di Hiroshima, Jepun menampilkan koleksi model kereta buatan syarikat tersebut yang unik dan kaya dengan nilai sejarah. Setiap model kereta yang dipamerkan menarik perhatian para pecinta kereta dan pengunjung dari dalam dan luar negara kerana menerapkan nilai-nilai klasik



5



6



7



8



9

1. Cosmo Sport, 1967
2. NA-chassic Eunos Roadster
3. B360 Truck
4. Carol 600, 1963
5. Mazda Familia, 1963
6. Familia Rotary Coupe, 1968
7. Luce Rotary Coupe, 1969
8. Savanna GT, 1972
9. Savanna RX-7, 1978

http://www.japan-guide.com/e/e3405.html

Temuduga kemasukan siswa-siswi baru USM



SEMANGAT... Calon temuduga bersemangat mempersembahkan idea dan hasil lukisannya kepada ahli panel di Pusat Pengajian Perumahan, Pembangunan dan Perancangan.





Calon-calon temuduga untuk program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi sedang beratur untuk mengambil pelekat nama dan mengenalpasti bilik temuduga yang ditetapkan.



FOKUS... Calon-calon perlu menulis esei dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris selama setengah jam sebelum sesi temuduga bagi program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi bermula.

Program temuduga kemasukan sidang akademik 2015/2016 untuk program Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, program Ijazah Sarjana Muda Sains (PBP), program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan dan program Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial telah diadakan di pusat pengajian masing-masing pada 7 dan 8 Mei 2015.



Kepanasan menunggu di luar pusat pengajian tidak menghalang ibu bapa yang hadir untuk terus menunggu anak-anak mereka semasa sesi temuduga dijalankan.



Kesabaran yang diberikan oleh ibu bapa sewaktu menunggu anak-anak yang sedang menghadiri temuduga memberikan semangat dan motivasi kepada calon temuduga.



Keceriaan terselah dari siswa-siswi USM yang turut membantu dalam melancarkan pelaksanaan proses temuduga di Pusat Pengajian Perumahan, Pembangunan dan Perancangan.



Calon-calon yang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi sedang berjalan dengan penuh keyakinan ketika memasuki dewan peperiksaan yang disediakan oleh pusat pengajian Komunikasi.



MESRA Calon-calon berkongsi pendapat soalan temuduga yang akan diberikan oleh pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi.

Berhati baik walaupun cantik



JUDUL Cinderella
GENRE Fantasi Romantic
PENGARAH Kenneth Branagh
PELAKON Lily James, Richard Madden, Cate Blanchett
ULASAN Siti Nazifah Tajudin

Cinderella (2015) ialah sebuah filem olahan semula dari filem animasi muzikal terbitan Disney dengan tajuk yang sama. Kali ini filem versi fantasi romantik arahan Kenneth Branagh dan skrip oleh Chris Weitz menambahkan asal usul kisah keluarga Cinderella di bahagian awal serta memperkemaskan lagi pengembangan serta penamat kisah dongeng itu. Namun begitu, filem ini masih setia kepada kronologi asli kisah dongeng Cinderella yang kita pernah dengar sebelum ini.

Cinderella mengisahkan kanak-kanak bernama Ella (Eloise Webb) yang dibesarkan dengan penuh kasih-sayang dan dididik dengan baik oleh kedua ibu bapanya. Beberapa tahun kemudian setelah kematian ibunya (Hayley Atwell), bapa Ella (Ben Chaplin) berkahwin dengan seorang janda anak dua iaitu Lady Tremaine (Cate Blanchett). Kemudian selepas kematian bapanya, maka Ella (Lily James) yang sudah dewasa terpaksa berkongsi hidup di rumahnya sendiri dengan keluarga tirinya yang kejam.

Melalui pengamatan saya, perbezaan antara filem Cinderella (2015) dan Cinderella (1950) tidak jauh berbeza. Perbezaan yang dapat dilihat ialah, Cinderella versi 2015 tidak mengetengahkan kisah konflik di antara watak-watak tikus dan Cinderella dengan si kucing Lucifer. Watak binatang dalam versi ini hanya menggunakan bahasa badan untuk berkomunikasi dengan Cinderella.

Cinderella (2015) bersifat lebih serius yang memaparkan kisah realisme watak Cinderella yang diberikan nama Ella walaupun masih mengekalkan babak-babak magikal fantasi yang sama. Dalam versi ini, nama gelaran 'Cinderella' dalam filem ini berasal dari tambahan kepada nama Ella yang diberikan oleh kakak-kakak tirinya.

Dua bahagian cerita yang diperkemaskan ialah latar keluarga Elle di awal cerita dan bagaimana pertemuan kali pertama Ella dengan Kit semasa berburu. Watak ibu Ella yang menjadi rujukan pengembangan perwatakan Ella yang mewarisi sifat ibunya yang baik budi pekerti ditampilkan di permulaan kisah.


"Have courage, and be kind" itulah pesanan ibunya yang menjadi pegangan hidup Ella walaupun betapa perit seksaan fizikal dan emosi yang diterimanya. Mungkin pejuang feminisme merasakan Ella seperti begitu naif dan menerima sahaja tanpa melawan tetapi pesanan ibunya dan wasiat ayahnya supaya mewarisi rumah itu menjadi kekuatan watak Ella untuk bertahan.

Nadi utama yang menghidupkan filem Cinderella ialah pelakon muda cantik Lily James sebagai Ella. Pembawaan watak dengan berkesan yang dibawa oleh Lily berjaya menghidupkan perwatakan Cinderella yang nampak lebih dipercayai dan berdikari. Filem ini juga dikuatkan lagi dengan penampilan Cate Blanchett sebagai Lady Tremaine, ibu tiri Ella. Selain itu, watak-watak kakak tiri Ella dibintangi oleh Anastasia (Holliday Grainger) dan Drizella (Sophie McShera) yang ditampilkan menjengkelkan dan kurang bijak tetapi kelakar. Tarikan penting filem ini juga ialah Richard Madden sebagai Prince 'Kit' Charming yang begitu secocok digandingkan dengan Ella. Di samping itu, watak-watak lain yang turut membintangi filem ini ialah The King (Derek Jacobi) dan Grand Duke (Stellan Skarsgard).

Pada pendapat saya, filem ini turut mengujakan dari segi kegigihan produksi Disney yang merealisasikan busana-busana zaman era 1940an dan 1950an rekaan Sandy Powell yang disuntik dengan elemen kreativiti seperti di dalam filem animasi asalnya. Begitu juga rekaan set-set rumah Ella dan istana Kit yang ingin ditonjolkan dan menjadi keutamaan filem-filem terbitan Disney. Nilai produksi yang terperinci ini mampu membawa penonton tenggelam ke dalam dunia fantasi Cinderella di sepanjang durasi tontonan.

Pada pendapat saya, filem ini turut mengujakan dari segi kegigihan produksi Disney yang merealisasikan busana-busana zaman era 1940an dan 1950an rekaan Sandy Powell yang disuntik dengan elemen kreativiti seperti di dalam filem animasi asalnya.

Manusia agen perubahan



JUDUL Aku Bukan Superman
GENRE Motivasi
PENULIS Asyraf Farique
PENERBIT Humaira Bookstore
ULASAN Muhammad Suhaib Mohd Shapiee

Aku Bukan Superman merupakan hasil karya daripada Asyraf Farique yang menceritakan mengenai seorang pemuda yang mengharungi kehidupan yang penuh dengan dugaan dan cabaran daripada anasir jahat seperti pergaulan bebas, dadah, dan membuang masa. Secara keseluruhan terdapat lima bab dalam buku ini iaitu pemuda, hawa nafsu dan iman siapa yang menang, Superman juga mempunyai cinta, solat awal waktu, dan aku bukan Superman.

Pada bab pertama, penulis berkongsi cerita dengan pembaca mengenai sejarah kehidupan seorang tokoh kebangkitan Islam di Mesir iaitu Hassan Al-Banna yang menghidupkan kembali jiwa-jiwa pemuda yang telah lama mati disebabkan cinta akan dunia. Beliau menegaskan mengenai harga diri yang patut ada dalam diri seorang pemuda seperti mempunyai hati yang suci, jiwa yan bersih, semangat yang kental, dan azam yang kuat.

Dalam baba pertama juga penulis berkongsi cerita mengenai pemuda dahulu berbanding dengan pemuda sekarang. Pemuda dahullu terdiri daripada mereka yang sangat berdikari. Mereka telah mengharungi kehidupan yang sukar untuk mencapai impian yang gemilang. Maka tidak hairanlah mereka lebih berjiwa kental dan cepat matang daripada usia mereka berbanding kita sekarang.

Bab kedua pula mendiskusikan mengenai satu tajuk yang terkenal dengan remaja iaitu "Hawa Nafsu dan Iman, siapa yang menang?". Menarik bukan? Menurut Imam Ghazali berkata seandainya kamu hidup selama 60 tahun dan kamu tidur lapan jam sehari, maka dalam tempoh itu kamu sebenarnya telah tidur selama 20 tahun sepanjang kehidupan. Nasihat penulis kepada kita semua adalah manfaatkan masa dengan betul dan lakukan perkara yang berfaedah supaya tidak bazirkan masa dengan perkara yang tidak berfaedah seperti selalu tidur.

Penulis membicara dan menimbulkan persoalan kepada pembaca untuk terus berfikir adakah kita yang dimaksudkan pemuda yang banyak tidur itu? Benar tidur itu satu keperluan tetapi jangan kita salah gunakan anugerah daripada Allah SWT kepada umat manusia yang tidak ternilai harganya. Tidur merupakan salah satu ibadah tetapi akan menjadi musibah jika tidur berlebihan seperti tidak produktif untuk meneruskanaktiviti harian.

Diringkaskan bahawa penulis ingin memberi inspirasi kepada pembaca dengan menaikkan semangat pemuda dengan perkongsian cerita dan mengutamakan solat lima watu dan solat secara berjemaah di masjid. Terakhir sekali penulis mengulas mengenai tajuk "Aku Bukan Superman". Penulis memilih perkataan 'Superman' adalah sebagai cerminan kepada pemuda yang mempunyai semangat yang tinggi tetapi dalam masa yang sama ia merupakan manusia yang lemah dan banyak kelemahan yang mesti dibaiki. Penulis ingin menyampaikan kepada pembaca bahwa kita ini merupakan pemuda yang luar biasa kerana kita merupakan agen perubahan dunia. Secara kesimpulan, kandungan buku ini amat berguna untuk pemuda yang ingin melakukan perubahan terutamanya diri sendiri. Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu masyarakat melainkan mereka berubah sendiri terjemaah Surah Ar-Ra'ad ayat 11.

Penulis memilih perkataan 'Superman' adalah sebagai cerminan kepada pemuda yang mempunyai semangat yang tinggi tetapi dalam masa yang sama ia merupakan manusia yang lemah dan banyak kelemahan yang mesti dibaiki.

Semangat membara buru juara TOT

Desasiswa-desasiswa yang bertanding dalam Temasya Olahraga Tahunan (TOT) kali ke-41 melahirkan harapan untuk merebut gelaran juara keseluruhan sebagai simbol kejayaan atas segala penat lelah yang dicurahkan.

Wakil kontingen Fajar Harapan, Nur Tasha Mila, berkata penglibatan pasukannya dalam TOT diharapkan dapat menuai hasil yang diidamkan kerana mereka telah berusaha sebaik mungkin membuat persiapan.

"Pemilihan atlet telah dilakukan sejak awal semester lagi bagi membolehkan atlet yang terpilih menjalani latihan yang sewajarnya sebagai persediaan menghadapi TOT kali ini. Walau bagaimanapun semuanya bergantung kepada nasib dan kami tidak menaruh harapan terlampau tinggi", ujarnya lagi.

Menurut wakil kontingen Jaya, Nor Azlinda Abdul Saat, persediaan pasukannya pada TOT kali ini berjalan dengan lancar dan penambahbaikan telah dilakukan bagi memantapkan pengurusan atlet.

"Sebelum ini, Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) yang memainkan peranan penting dalam menguruskan persediaan atlet namun kali ini pembaharuan telah dilakukan dengan melibatkan penghuni desasiswa sebagai jawatankuasa khas yang bertanggungjawab menguruskan atlet", tambahnya.

"Pemilihan jawatankuasa dilakukan melalui sesi temuduga yang dijalankan. Jawatankuasa ini mendapat pengalaman baru dalam menjalankan tanggungjawab dan mereka diberi tunjuk ajar oleh MPD", katanya lagi.

"Seperti sedia maklum, kami adalah Johan Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) bagi kategori lelaki selama dua tahun berturut-turut dan kami amat berharap dapat meraih gelaran juara dalam TOT kali ini", jelasnya.

Wakil kontingen Murni, Fareedzul Amir Mohamad Samsi, berkata pasukannya akan berusaha sebaik mungkin bagi memburu gelaran juara keseluruhan. Baginya, adat bertanding ada pasukan yang akan menang dan kalah tetapi usaha akan menentukan hasil yang bakal dituai.

"Mustahil tidak terdetik untuk memburu gelaran juara namun kami juga tidak terlalu meletakkan harapan yang tinggi kerana matlamat utama adalah untuk memperbaiki prestasi pasukan agar lebih baik daripada sidang lepas", tambahnya.

Pro Canselor galak siswa-siswi aktif bersukan

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDIRSHA**

Pro Canselor Universiti Sains Malaysia, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur menyeru siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) untuk terus aktif melibatkan diri dalam bidang sukan seterusnya mengharumkan nama universiti dan negara.

"Saya yakin Temasya Olahraga Tahunan (TOT) sebagai medan terbaik kepada siswa-siswi USM untuk mempamerkan sifat kepimpinan, kerjasama, berfikir secara matang dan bertolak ansur dalam melaksanakan aktivtiti yang lebih proaktif dan kreatif", jelasnya dalam ucapan perasmian TOT ke-41.

"Saya mendapati penglibatan siswa-siswi dalam penganjuran TOT amat memberangsangkan dan secara tidak langsung penganjuran program sebegini dapat mengasah bakat kepimpinan mereka. Program seperti ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan semangat muhibah dalam kalangan siswa-siswi USM dan warga staf", ujarnya lagi.

Beliau berkata aspek-aspek yang telah diberi penekanan amat penting dalam memenuhi hasrat kerajaan untuk membina sebuah negara dan bangsa yang teguh jati diri. Beliau juga melahirkan keyakinan bahawa TOT ialah platform terbaik dalam melahirkan atlet-atlet yang berupaya mengharumkan nama USM seterusnya nama negara.

"Saya amat berharap siswa-siswi antarabangsa dapat melibatkan diri dan menyumbangkan idea secara kritis untuk pembangunan sukan USM. Di samping itu, saya menaruh harapan agar TOT dapat mengekalkan kecemerlangan dalam memacu bidang sukan", tambahnya.

Beliau dalam ucapannya melahirkan rasa bangga terhadap jawatankuasa pengelola yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan TOT dengan cemerlang dan terbilang serta memartabatkannya sebagai satu acara tahunan USM.

Perasmian TOT kali ke-41 turut dihadiri oleh Naib Canselor USM, Dato Dr Omar Osman, Timbalan-timbalan Naib Canselor USM, Pendaftar USM, pegawai utama USM, Penggawa-penggawa Desasiswa, wakil-wakil penaja iaitu Nestle Products Sdn Bhd, Bank CIMB dan Butter Olive Bakery House.

TOT41 cipta rekod baru

Majlis penutupan Temasya Olahraga Tahunan (TOT41), Universiti Sains Malaysia (USM) telah berlangsung dengan jayanya di Stadium Olahraga pada 10 Mei 2015 yang lalu.

Pengerusi TOT41, Qutham Akif Mohd Shukri berkata pencapaian TOT bagi sidang ini amat memberangsangkan apabila terdapat pencapaian baru yang dirangkul oleh para atlet dalam 43 acara yang dipertandingkan.

"Pada TOT kali ini, terdapat beberapa rekod baru yang dicapai oleh atlet dan penyamaan rekod dalam beberapa acara. Atlet lelaki dari Desasiswa Jaya dalam acara 4x100 meter telah berjaya pecahkan rekod selama 20 tahun dengan catatan masa 21.04 saat dan ini ialah satu pencapaian yang amat membanggakan USM", tambahnya lagi.

"Sebagai seorang siswa USM, saya telah melihat penganjuran TOT ini sebenarnya memberi impak yang besar dalam membentuk siswa-siswi yang berjaya bukan saja dalam akademik malah mempunyai daya saing yang cergas dari segi fizikal dan mental, berdisiplin dan mempunyai kemahiran komunikasi", ujarnya.

Naib Canselor USM, Prof Dato Dr Omar Osman dalam ucapan perasmian penutupan melahirkan rasa bangga di atas pencapaian luar biasa yang dicipta kontingen-kontingen dalam TOT41 dan berharap warga USM akan terus memartabatkan bidang sukan seperti pencapaian penyelidikan dan graduan-graduan dalam akademik.

"Sesungguhnya, segala fasiliti yang disediakan sama ada di Kampus Induk, Kejuruteraan mahupun di Kesihatan adalah bertujuan untuk memajukan bidang sukan dan menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan siswa-siswi", kata beliau.

TOT 41 menyaksikan Desasiswa Jaya merangkul gelaran Juara bagi kategori lelaki dengan 6 emas, 2 perak dan 2 gangsa manakala Desasiswa Cahaya Gemilang meraih Juara bagi kategori wanita dengan pungutan mata sebanyak 5 emas, 3 perak dan 1 gangsa.

Atlet lelaki dari Desasiswa Jaya dalam acara 4x100 meter telah berjaya pecahkan rekod selama 20 tahun dengan catatan masa 21.04 saat.

Maskot Superhero serikan TOT41







1. Aman Damai – Hang Tupai
2. Fajar Harapan – Kucing
3. Indah Kembara – Red Bull
4. Cahaya Gemilang – Panda
5. Lembaran – Musang
6. Nurani - Hulk

TOT41 satupadukan warga USM dalam arena sukan universiti



SEMANGAT Bacaan ikrar Temasya Olahraga Tahunan (TOT) Universiti Sains Malaysia (USM) ke-41 yang dipimpin oleh Jonnycal Anak Mengok sebagai atlet lelaki terbaik TOT ke-40 dengan diiringi oleh 15 orang pengibar bendera dari kontinjen masing-masing.

Temasya Olahraga Tahunan (TOT) Universiti Sains Malaysia (USM) 2015 ke-41 telah menyatupadukan warga kampus dalam perasmian TOT yang disempurnakan oleh Pro-Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur di Stadium Olahraga, USM 8 Mei lalu.

Acara tahunan itu mendapat penyertaan memberangsangkan daripada warga kampus dari keempat-empat kampus USM iaitu Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan dan Kampus Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Dengan bertemakan 'Superhero' dan berpegang kepada moto 'Together On Track', TOT yang ditaja bersama Nestle Sdn. Bhd, CIMB Bank dan Butter and Olive Pastry House, berjaya menghimpunkan sebanyak 22 kontinjen yang mewakili desasiswa-desasiswa termasuk Pelajar Tanpa Asrama (PETAS) dan badan beruniform dalam perbarisan lintas hormat yang diketuai oleh wakil Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) USM, Alif Al Hatta Osman.

Naib Canselor USM, Prof. Dato' Dr Omar Osman, menyeru agar TOT dipertandingkan dengan semangat kesukanan dan sebagai suntikan semangat kepada siswa-siswi untuk lebih yakin mengasah bakat mereka dalam arena sukan.

Pengerusi Jawatankuasa Pengelola TOT ke-41, Muhammad Qutham 'Akif Mohd Shukri, berkata, sebanyak 43 acara dipertandingkan dalam tiga kategori iaitu lelaki, wanita dan veteran. Tidak ketinggalan acara khas yang dipertandingkan setiap tahun iaitu Larian Sebatu Diraja dan acara Larian Sebatu Tuanku Raja Perempuan.

Turut hadir ke upacara perasmian ialah Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dato' Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal, Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri & Masyarakat, Prof. Dato' Dr See Ching Mey, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dato' Dr Adnan Hussein, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof. Dato' Dr Muhamad Jantan dan Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Tuan Haji Muhamad Mohd Hanif.







Temasya Olahraga Tahunan (TOT) merupakan acara tahunan yang melibatkan keempat-empat kampus iaitu Kampus Induk, Kampus Kesihatan, Kampus Kejuruteraan dan Kampus Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Setiap kontinjen tampil dengan maskot bertemakan superhero pada Temasya Olahraga Tahunan (TOT) ke-41 dan motto Together on Track.

Tiga maskot mesra telah dinobatkan sebagai maskot terbaik, masing-masing daripada kontinjen Desasiswa Tekun yang menampilkan Panglima Rimau Sun Tzu dari Dinasti China, Desasiswa Restu menampil Tiger Kingdom dan Desasiswa Aman Damai dengan maskot Hang Tupai.

Habitat maskot cetusan idea hiasan khemah



CERIA Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Adnan Hussein menyampaikan hadiah kepada kontinjen Desasiswa Restu, Cahaya Gemilang dan Aman Damai yang menjadi pemenang Khemah Terbaik TOT ke-41.

Temasya Olahraga Tahunan (TOT) ke-41, Universiti Sains Malaysia (USM) telah melabuhkan terai dengan menyaksikan kemenangan kontinjen Desasiswa Aman Damai, Restu dan Cahaya Gemilang bagi kategori Khemah Terbaik.

TOT kali ini telah memilih Superhero sebagai tema. Semua kontinjen desasiswa dikehendaki menghias khemah yang telah disediakan berdasarkan tema yang telah ditetapkan mengikut idea dan kreativiti.

Menurut Yang Dipertua Desasiswa Restu, Ruziatun Amirah Ismail, konsep yang diketengahkan ialah realiti dan fantasi. Hiasan dibuat berdasarkan habitat harimau yang menjadi maskot kontinjen. Kami ingin tampilkan khemah ini dari realiti kepada tempat tinggal haiwan tersebut dengan menampakkan visual 3D dalam khemah.

"Di luar pula kami menghias mengikut suasana gua, dengan menggunakan batu-batu yang diperbuat daripada kotak dan kertas. Kami juga membuat sedikit kelainan dengan memasukkan unsur muzik dan bunyi bagi menjadikan suasana dalam hutan itu realiti", tambahnya.

"Kami hanya ingin buat yang terbaik dan mengambil iktibar daripada kejadian tahun lepas di mana Restu kalah disebabkan tidak mengikut tema yang diberikan", katanya kepada Berita Kampus.

Menurut Yang Dipertua Desasiswa Cahaya Gemilang, Hazwannuddin Haniffuddin pula, konsep yang ingin diketengahkan adalah aspek superhero yang membantu memelihara alam sekitar. Cetusan idea ini berdasarkan kuasa superhero itu sendiri yang sering disajikan kepada orang ramai tetapi superhero sebenar turut bersama-sama menjaga alam sekitar.

"Dari segi hiasan kreativiti khemah kesemuanya mengetengahkan aspek WWF. Segala rumah hiasan kami, berupa habitat panda yang memainkan peranan seolah-olah dalam galeri panda", katanya.

Ketua Ahli Jawatankuasa (AJK) Khemah Desasiswa Aman Damai, Johari Jaffar berkata konsep yang ditampilkan adalah habitat Hang Tupai iaitu kehidupan dalam pokok dan suasana di hutan. Khemah tersebut dinamakan sebagai Teratak Hang Tupai.

"Berbeza dengan tahun lepas, kami tonjolkan rumah tradisi kampung masyarakat Melayu yang berkonsepkan kelestarian di mana semua bahan yang digunakan adalah bahan terbuang. Namun kali ini kami menggunakan konsep habitat superhero untuk menghias khemah kontinjen", tambahnya.

"Termasuk kali ini kontinjen Desasiswa Aman Damai telah memenangi empat tahun berturut-turut dalam kategori Khemah Terbaik bermula tahun 2012 hingga 2015. Ini merupakan suatu pencapaian yang sangat memberangsangkan dengan hasil kerjasama yang diberikan oleh semua AJK", jelasnya.

Berbeza dengan tahun lepas, kami tonjolkan rumah tradisi kampung masyarakat Melayu yang berkonsepkan kelestarian di mana semua bahan yang digunakan adalah bahan terbuang. Namun kali ini kami menggunakan konsep habitat superhero untuk menghias khemah kontinjen.

Kedudukan khemah kontinjen TOT tidak sesuai

Kedudukan khemah yang disediakan untuk setiap kontinjen pada Temasya Olahraga Tahunan (TOT) kali ke-41, bertempat di Stadium Olahraga, Universiti Sains Malaysia (USM) dalam tempoh kejohanan selama tiga hari, bermula 8 Mei sehingga 10 Mei telah menyukarkan kontinjen untuk bergerak dengan selesa.

Ketua pengelola kontinjen Desasiswa Tekun, Muhammad Syafiq Muhd Isa, berkata kedudukan khemah mereka agak curam dan bersebelahan dengan pokok telah menyukarkan pergerakan para atlet dan sekretariat. Tambah Syafiq lagi, pada mulanya kedudukan khemah mereka bukannya di kawasan yang curam semasa undian dijalankan, tetapi semasa mereka hadir untuk menghias khemah, pihak pengurusan TOT memaklumkan bahawa kedudukan khemah mereka telah diubah dan sebabnya ialah terdapat kontinjen yang tidak menggunakan khemah disediakan.

"Pengurusan TOT juga memaklumkan bahawa setiap kontinjen perlu menyediakan laluan khas di hadapan khemah supaya mudah untuk dilalui tetapi disebabkan pemberitahuan tersebut sudah lewat iaitu selepas kami sudah menghias khemah, kami tidak dapat menyediakan laluan seperti yang diminta", jelasnya lagi.

Menurut Pengerusi TOT ke-41, Muhammad Qutham 'Akif Mohd Shukri, tujuan mereka mengarahkan setiap kontinjen untuk menyediakan laluan di hadapan khemah ialah bagi memudahkan Pro Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur melakukan lawatan ke setiap khemah. Selain itu, mereka juga mahu memudahkan kontinjen bergerak di sekitar kawasan khemah.

Timbalan Pengarah Pusat Sukan USM, Idrus Rapie menjelaskan bahawa laluan yang sempit di hadapan khemah adalah disebabkan saiz khemah yang lebih besar berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Pada tahun ini kami menggunakan khemah kontinjen bersaiz 20X20 kaki bagi memberikan keselesaan kepada kontinjen. Apabila khemah dan bekalan elektrik sudah dipasang, barulah kami menyedari bahawa laluan di hadapan khemah agak terhad", jelasnya kepada Berita Kampus.

Tambah Idrus lagi, Pusat Sukan USM kini sudah memastikan isu laluan di hadapan khemah diberikan perhatian bagi mengelakkan masalah yang sama berulang pada tahun-tahun mendatang.

"Kami akan mengadakan mesyuarat khas bersama-sama pengurusan dan desasiswa USM untuk mencari penyelesaian yang terbaik", katanya.

Apabila khemah dan bekalan elektrik sudah dipasang, barulah kami menyedari bahawa laluan di hadapan khemah agak terhad.

Jaya, Cahaya Gemilang bolot Anugerah Olahragawan dan Olahragawati TOT41

Oleh **NUR KHALIDAH ABDUL HALIM**

Atlet Jaya, Wan Zhi Xuan dan Low Sze Houng dari Cahaya Gemilang dinobatkan sebagai Olahragawan dan Olahragawati Temasya Olahraga Tahunan ke-41 (TOT) Universiti Sains Malaysia (USM) yang diadakan di Stadium Olahraga USM pada 8 hingga 10 Mei 2015.

Anugerah yang diberikan kepada mereka yang telah menunjukkan kejayaan yang cemerlang mendapat kutipan pingat banyak dalam TOT baru-baru ini. Wan Zhi Xuan memenangi sebanyak tiga emas. Manakala Low She Houng mendapat sebanyak 3 emas dan 1 gangsa.

Sementara itu, Wan Zhi Xuan, berasa gembira kerana pengiktirafan dan menyuntik semangatnya untuk mencipta kejayaan yang lebih tinggi di masa hadapan. Beliau turut mencipta rekod terbaru dalam acara 400 meter dengan mencatat masa larian hanya 50 saat.

"Saya berharap warga USM juga akan lebih aktif dalam sukan padang dan balapan tetapi tidak mengabaikan akademik. Latihan yang efektif dan konsisten akan membawa kita ke tahap yang tinggi di masa hadapan", katanya kepada Berita Kampus.

Selain itu Low She Houng, turut gembira kerana tidak menyangka akan mendapat anugerah tersebut kerana setiap desasiswa memberi saingan yang terhebat dalam setiap acara yang diadakan.

"Saya berharap saya boleh bertanding untuk Cahaya Gemilang untuk tahun hadapan dan di dalam Majis Antara Sukan Universiti-universti Malaysia (MASUM) di masa hadapan. Saya juga harap semangat ini akan berterusan dalam sukan ini", katanya lagi.

Majlis penyampaian anugerah tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor USM, Prof Dato' Dr Omar Osman dan diiringi Pengarah Projek TOT ke-41, Muhammad Qutham 'Akif Mohd Shukri.

Penerima anugerah membawa pulang sebuah piala iringan dan hamper sumbangan Nestle Product Sdn. Bhd.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Dr Adnan Hussein, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Dato Dr Muhammad Jantan, Naib Pengerusi Penggawa USM, Prof Madya Dr. Rahimah dan Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Muhamad Mohd Hanif.

Selain itu juga, turut disampaikan anugerah iaitu Perbarisan Terbaik, Khemah Terbaik, Maskot Mesra dan Sorak Terbaik.



Wan Zhi Xuan adalah siswa Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dan Low Sze Houng siswi dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan di mana kedua-dua mereka ialah siswa dan siswi tahun satu.

Larian Sebatu tradisi TOT sejak 1989



BERSEMANGAT...Peserta lelaki bersemangat dalam acara Larian Sebatu Diraja (LSD) yang diadakan di Stadium Olahraga Universiti Sains Malaysia semasa Temasya Olahraga Tahunan ke-41. GAMBAR OLEH MUUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE.

Larian Sebatu DiRaja (LSD) dan Larian Sebatu Tuanku Raja Perempuan (LSTRP) adalah satu tradisi bagi Temasya Olahraga Tahunan (TOT) Universiti Sains Malaysia (USM). LSD telah diperkenalkan pada TOT Ke-15 pada tahun 1989.

Menurut Timbalan Pengarah, Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Encik Idrus Haji Rapie , LSD telah dirasmikan oleh Canselor USM pada ketika itu iaitu Duli yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail. Larian ini terbuka kepada atlet lelaki.

LSTRP pula diperkenalkan pada TOT Ke-16 dan ia terbuka kepada atlet perempuan. LSTRP mendapat pengiktirafan DiRaja pada TOT Ke-19. Piala pusingan bagi acara LSTRP telah disumbangkan oleh DYMM Tuanku Tengku Budriah.

"TOT adalah acara dalaman yang melibatkan warga USM sahaja. Penganjuran LSD dan LSTRP adalah satu peluang kepada masyarakat luar untuk menyertai TOT kerana hanya acara ini yang penyertaannya adalah terbuka", ujar Encik Idrus.

Tambah Encik Idrus lagi, larian sebatu juga adalah satu kaedah untuk mengetahui tahap pencapaian atlet kita berbanding dengan atlet dari luar. Ia adalah satu pendedahan kepada atlet yang berpotensi untuk mewakili USM.

Menurut Pengerusi, Jawatankuasa Pengelola, TOT Ke-41, Muhammad Qutham `Akif Mohd Shukri@Sakri, acara LSD dan LSTRP kali ini membuka penyertaan sebanyak 40 orang bagi kedua-dua kategori.

Kedudukan pertama, kedua dan ketiga bagi LSD disandang oleh Jegan Arumugam, Azizul Afnan dan Teoh Chin Hong. Manakala kedudukan pertama, kedua dan ketiga bagi LSTRP pula disandang oleh Su Lian Ting, Angelina Natasha Anthony dan Ranjeeta Poobathy.

Sikap atlet cerminan imej TOT41

Oleh **SITI FASRIANA SHAARI**

Walaupun Temasya Olahraga Tahunan (TOT) Universiti Sains Malaysia telah menginjak kepada penganjuran kali ke-41 tahun ini, masih wujud atlet yang bersikap tidak peka dan memandang remeh peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan penganjur.

Timbalan Pengarah, Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Encik Idrus Haji Rapie menyatakan situasi atlet tidak memakai tag nombor yang disediakan penganjur tidak sepatutnya berlaku kerana TOT telah lama dianjurkan dan ia adalah antara kejohanan terbesar dianjurkan oleh USM.

"USM adalah universiti berstatus APEX, namun masalah seperti ini masih berlaku dan ia akan mencemarkan nama baik TOT dan USM sendiri", ujar Encik Idrus.

Tambah Encik Idrus, pengadilan bagi TOT dikawal selia oleh Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang (PAAA). Sikap atlet yang tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan hanya akan membentuk tanggapan buruk PAAA terhadap USM.

Menurut Pengerusi, Jawatankuasa Pengelola, TOT Ke-41, Muhammad Qutham `Akif Mohd Shukri@Sakri, antara peraturan bagi atlet adalah untuk memakai tag nombor pada bahagian depan dan belakang badan. Namun, terdapat atlet yang ingkar dan hanya memakai pada satu bahagian sahaja.

"Bagi acara larian terutamanya jarak jauh, pengadil akan memaklumkan kepada atlet pusingan yang telah dilakukan. Bagi mengenal pasti atlet, tag nombor ini akan digunakan. Jika atlet hanya memakai pada satu bahagian sahaja ia akan menyukarkan tugas pengadil", kata Qutham.

"Terdapat atlet yang dibatalkan penyertaannya oleh pengadil kerana tidak mematuhi peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan dan tindakan seperti ini diambil kerana pengadil perlu profesional dalam menjalankan tugasnya", kata Encik Idrus.

Tambah Encik Idrus lagi, atlet mungkin sentiasa silih berganti, namun TOT tetap diteruskan. Bagi menjaga imej dan sebagai pengajaran kepada atlet, tindakan perlu diambil supaya ia tidak akan diulangi untuk TOT yang berikutnya.

USM adalah universiti berstatus APEX, namun masalah seperti ini masih berlaku dan ia akan mencemarkan nama baik TOT dan USM sendiri

USM Jokers tewaskan UUM Stallion

Pasukan ragbi Universiti Sains Malaysia (USM) The Jokers tewaskan pasukan ragbi Universiti Utara Malaysia (UUM) Stallion dalam Kejohanan Ragbi Liga Kedah 2015 di padang Kolej Sultan Abdul Hamid pada 9 Mei lalu.

Ketua pasukan, Mohd Izzuwan Ahmad Sukri berkata corak permainan The Jokers sangat teratur berbanding pertandingan sebelum ini kerana jurulatih Muhammad Arif Rdza menurunkan pemain utama.

"Kami amat gembira dengan kemenangan selepas berjaya menewaskan pasukan UUM Stallion dengan mata 27-10" kata Izzuwan.

Menurut Izzuwan, separuh masa pertama jurulatih menurunkan pemain utama dan separuh masa kedua banya pemain baru dimasukkan untuk menguji cara permainan mereka.

"Sebenarnya perlawanan pada kali ini adalah untuk membuat pilihan pemain yang akan bermain dalam pasukan utama di Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) Ragbi 14 Sebelah yang akan diadakan di Johor pada Julai sehingga Ogos 2015.

Pemain yan membuat try semasa menentang pasukan UUM Stallion adalah Faiz Jamaluddin, Muaz Zaini, Afiq dan satu conversion daripada Izzuwan Sukri.

"Saya berharap Pusat Sukan USM akan menghantar pasukan The Jokers ke kejohanan ragbi di luar untuk mendapatkan pengalaman untuk memantapkan lagi mutu permainan", kata Izzuwan.

Saya berharap Pusat Sukan USM akan menghantar pasukan The Jokers ke kejohanan ragbi di luar untuk mendapatkan pengalaman untuk memantapkan lagi mutu permainan.

Minden Tiger menang di laman sendiri

Pasukan bola sepak Minden Tiger Universiti Sains Malaysia (USM) memungut 3 mata penting ke atas pasukan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pahang, yang berlangsung pada 2 Mac 2015 di Stadium USM dalam Liga Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (Liga IPT) 2015.

Kemenangan Minden Tiger memberikan semangat pasukan untuk mengidamkan kejuaraan Liga musim ini, selepas kemenangan USM dijaringkan oleh pemain Hamza Mohamed di separuh masa pertama melalui larian solo beliau, manakala jaringan kedua oleh Muhammad Hafiz di separuh masa kedua menerusi tandukan.

Jurulatih pasukan bola sepak USM Minden Tiger, Ahmad Norafandy Mohd Yatim, merasa bersyukur kerana masih mendahului carta untuk pusingan kedua walaupun kehilangan lima pemain utama dan tidak menjangka lima pengganti pemain yang dipilih bermain secara bersemangat.

"Perlawanan ini pada mulanya agak merisaukan kerana saya kehilangan lima pemain ini disebabkan pelbagai faktor seperti patah tangan, digantung dan kecederaan tetapi lima pemain pengganti yang saya pilih ini menjalankan amanah yang diberi menerusi taktikal yang saya beri", kata Norafandy.

Pengurus USM Minden Tiger, Nazru Ismail pula berkata beliau berpuas hati menang pada pusingan kedua menentang UiTM Pahang kerana enam baki perlawanan akan berlangsung untuk menentukan kedudukan sebenar USM Minden Tiger ke Divisyen Satu dan pada masa kini kedudukan USM berada di tangga teratas liga, jelasnya lagi kepada Berita Kampus.

Hoki USM tewas kepada RAF

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE**

Skuad hoki Universiti Sains Malaysia tewas 0-4 dengan RAF dalam perlawanan persahabatan yang diadakan di Stadium Hoki Universiti Sains Malaysia pada 16 Mei lalu.

RAF bermula dengan garang apabila menjaringkan gol pembukaan pada minit ke14 menerusi pukulan sudut penalty.

Usaha pasukan hoki USM untuk menyamakan kedudukan selepas mencuba pukulan sudut penalty oleh Izzat Fahim gagal apabila bola berjaya ditepis oleh penjaga gol RAF.

Ketua pasukan, Ku Ahmad Azrezal Ku Omar berkata perlawanan persahabatan bersama RAF adalah pertama kali diadakan di Stadium Hoki USM.

"Pemain hoki USM mendapat pengalaman baru kerana dapat bermain bersama pasukan hoki luar negara dan melihat corak permainan RAF yang tersusun", kata Azrezal.

Menurut, Azrezal, perlawanan persahabatan ini secara tidak langsung untuk menguji tahap kecerdasan dan corak permainan pasukan hoki USM.

Azrezal berharap pasukanya terus memberikan komitmen dan turun latihan mengikut jadual yang ditetapkan untuk persediaan pertandingan hoki pada semester hadapan.



TANGKAS Muhammad Sofwan Hassan (jersi merah) mengawal bola daripada dirampas oleh pemain hoki Royal Air Force (RAF) dalam perlawanan persahabatan di Stadium Hoki Universiti Sains Malaysia (USM) pada 16 Mei lalu.
GAMBAR OLEH MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE.

Pemain hoki USM mendapat pengalaman baru kerana dapat bermain bersama pasukan hoki luar negara dan melihat corak permainan RAF yang tersusun.